

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
SHARIFAH SAADAH BINTI WAN ZAINAL  
PELAKON VETERAN 80-AN  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG  
PELAKON**

**NUR AFIQAH BINTI DAUD**

**(2020885066)**

**SITI BARI'AH BINTI MA HUSSIN**

**(2020825278)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

## ISI KANDUNGAN

	<b>Isi Kandungan</b>	<b>M/S</b>
<b>Nombor Roman</b>	<b>Abstrak</b>	<b>iv</b>
	<b>Penghargaan</b>	<b>v</b>
	<b>Senarai Abreviasi</b>	<b>vi</b>
	<b>Senarai Singkatan</b>	<b>vii</b>
	<b>Rujukan Kata</b>	<b>viii</b>
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penemubual</b>	
	1.1 Penemubual Pertama	<b>1</b>
	1.2 Penemubual Kedua	<b>2</b>
<b>2.0</b>	<b>Biodata Tokoh</b>	
	2.1 Biodata Tokoh	<b>3</b>
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	<b>4</b>
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan</b>	
	3.1 Pengenalan	<b>5 - 7</b>
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b>	
	4.1 Topik 1	<b>8 - 10</b>
	4.2 Topik 2	
	4.3. Topik 3	
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temubual bersama Tokoh</b>	<b>11 - 114</b>
<b>6.0</b>	<b>Log Temubual</b>	<b>115 - 118</b>
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	<b>119</b>
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	<b>120 - 127</b>
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	<b>128 - 132</b>
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	<b>133 - 137</b>
<b>11.0</b>	<b>Lampiran</b>	
	11.1 Surat Perjanjian	<b>138</b>
	11.2 Senarai Soalan	<b>139 - 144</b>
	11.3 Diari Penyelidikan	<b>145 - 146</b>
	11.4 Gambar, Bukti perbualan dan bahan lain yg berkaitan	<b>147 - 153</b>

# ABSTRAK

## ABSTRAK

*Penyelidikan ini merupakan kajian terhadap seorang pelakon iaitu Sharifah Saadah yang lebih dikenali sebagai Sherie Merlis ini ialah seorang pelakon veteran Malaysia pada tahun 80-an. Kajian ini telah dijalankan bagi mengelola maklumat mengenai Sherie Merlis di dalam Internet. Beliau telah menceburi bidang lakonan selama 30 tahun dan masih aktif dalam menghasilkan karya seni sehingga kini. Penulis memilih beliau dan beberapa karyanya untuk dijadikan sebagai bahan penyelidikan. Kajian ini juga telah dijalankan bagi mencungkil bakat Sherie Merlis di dalam industri seni. Namun, tunjang kepada penyelidikan ini adalah untuk mencungkil pengalaman beliau di dalam bidang lakonan. Pendokumentasian di dalam wawancara ini dapat membantu di dalam merungkai isu-isu terhadap Sherie Merlis. Soalan-soalan yang telah disediakan di dalam wawancara ini adalah melalui pembacaan daripada sumber-sumber yang berkaitan dengan Sherie Merlis. Wawancara ini telah dijalankan selama 3 jam pada tarikh 15 November 2021 bertempat di Dorsett Grand Subang. Melalui sejarah lisan ini diharapkan supaya masyarakat akan lebih mengenali tentang sejarah seorang pelakon veteran 80-an.*

*Kata kunci: Sherie Merlis, Sejarah lisan, pelakon veteran*

## ABSTRACT

*This research is a study on an actress, Sharifah Saadah who is better known as Sherie Merlis is a veteran Malaysian actress in the 80s. This study was conducted to manage information about Sherie Merlis on the Internet. He has been in the acting field for 30 years and is still active in producing artwork to this day. The author chose him and some of his works to be used as research material. This study was also conducted to unearth Sherie Merlis' talent in the art industry. However, the backbone of this research is to gain his experience in the field of acting. The documentation in this interview can help in unraveling the issues against Sherie Merlis. The questions that have been prepared in this interview are through readings from sources related to Sherie Merlis. The interview was conducted for 3 hours on 15 November 2021 at Dorsett Grand Subang. Through this oral history, it is hoped that the community will know more about the history of a veteran actor of the 80s.*

*Keyword: Sherie Merlis, oral history, veteran actor*

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurniaan Nya dapat kami menyiapkan dan menyempurnakan tugas wawancara bagi kursus IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah dipilih ini pada masa yang telah ditetapkan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Sharifah Saadah binti Wan Zainal kerana telah memberi kerjasama sepenuhnya sebelum dan semasa melakukan sesi temubual dengan meluangkan masa berkongsi pengalaman dan kongsi kisah beliau sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang lakonan.

Terima kasih diucapkan kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin yang mengajar subjek IMR604 (Oral Documentation). Beliau seorang pensyarah yang bertanggungjawab dan sangat komited dalam membantu para pelajar menyiapkan tugas. Beliau sangat membantu dalam memberikan penyelesaian tanda tanya para pelajar. Beliau juga telah memberi garis panduan yang sangat lengkap untuk menyiapkan transkrip. Dengan bimbingan yang telah beliau bagi telah membantu kami para pelajar menyiapkan tugas dengan mudah.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekelas kerana telah membantu dan memberi tunjuk ajar serta pandangan kepada kami secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan tugas ini. Segala bantuan anda amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

# SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
AF	Akademi Fantasia
PC	Press Conference
URTV	Utusan Radion & Televisyen
RTM	Radio Televisyen Malaysia
IKS	International and Knowledge System
UiTM	Universiti Teknologi Mara
EPF	Employees Provident Fund
SOCISO	Social Security Organisation
SENIMAN	Persatuan Seniman Malaysia
IG	Instagram
CIMB	Commerce International Merchant Banker Berhad
PA	Personal Assistant



SENARAI  
SINGKATAN

SM : Sherie Merlis

NA : Nur Afiqah Binti Daud

SB : Siti Bari'ah Binti Ma Hussin

RUJUKAN  
KATA

Aah	Ya/Betul
Alah	Takpa
Alah	Alahai
Ajak	Mengajak
Aje/ Aja	Sahaja
Apa hal/ Apasal	Kenapa
Ambik	Ambil
Bawak	Bawa
Bapak	Bapa
Bagitau	Bagitahu
Bang	Abang
Belah	Sebelah
Blah	Bersurai
Bu	Ibu
Bukak	Buka
Camtu	Macam itu
Cik/ Acik	Mak cik
Dah	Sudah
Dahla	Sudahlah
Diaorang/ Diorang	Mereka
Dik	Adik
Dok	Duduk
Hai	Alahai
Heran	Hairan
Eh	Ya
Eh?	Ya?
Entah	Tidak tahu

Engkau	Awak
Je/ Ja/ Saja	Sahaja
Jugak	Juga
Ka	atau
Ka?/ ka	Kah?
Kat	Dekat
Kan	Akan
Kan?	Betul tak?
Kau	Engkau
Kecik	Kecil
Kejap	Sekejap
Keta	Kereta
Kena	Harus
Kitaorang/ Kitorang	Kami
Korang	Kamu semua
Kot	Mungkin
Okay/ Ok	Baiklah
Paham	Faham
Plak/ Pulak	Pula
Rasuk	Merasuk
Sapa	Menyapa
Sape/ Sapa	Siapa
Sapalah	Siapalah
Suh	Suruh
Mak	Emak
Nak	Hendak/ Mahu
Ni	Ini
Nilah	Inilah

Takde/ Takda	Tidak ada
Takdalah	Tiadalah
Takpe/ takpa	Tidak mengapa
Tak	Tidak
Takkan	Tidak akan
Tau	Tahu
Tetiba	Tiba-tiba
Tu	Itu
Tulah	Itulah
Jalah/ jala	Sahajalah
Je	Sahaja
Joli	Belanja
Pon	Pun
Pikir	Fikir
Yaka?	Betulkah?

BIODATA  
PENEMUBUAL

### 1.1. Penemubual Pertama



Nama	Nur Afiqah Binti Daud
Tarikh Lahir	28 November 1999
Tempat Lahir	Gombak Selangor
Alamat	No 2, Jalan Sempurna 2, Taman Jenalin 3, Kg Jawa, 85000 Segamat Johor
No. Telefon	+6013-7482811
Emel	nurafiqahdaud9@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM246)



## 1.2. Penemubual Kedua



Nama	Siti Bari'ah binti Ma Hussin
Tarikh Lahir	8 November 1999
Tempat Lahir	Kota Bharu, Kelantan
Alamat	Kampung Gertak Sagu, 16450 Ketereh, Kota Bharu, Kelantan
No. Telefon	+6011-21518297
Emel	bariahmahussin@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

# BIODATA TOKOH

## 2.1. Biodata Tokoh



Nama	Sharifah Saadah binti Wan Zainal
Nama samaran	Sherie Merlis
Tarikh lahir	23 Oktober 1972
Tempat lahir	Hospital Lau King Howe Sibul
No. Telefon	+6011-37557065
Emel	Sheriemerlis23@gmail.com
Profession	Lakonan
Bidang	Seni

## 2.2. Pengenalan kepada Tokoh

Sharifah Saadah atau lebih dikenali sebagai Sherie Merlis berlatarbelakangkan keluarga seni. Lakonan telah menjadi sebahagian penting di dalam jiwanya dan keluarga. Sherie Merlis atau nama sebenar Sharifah Saadah Wan Zainal Kassim terkenal di dalam bidang lakonan di dalam industri seni tanah air. Beliau dilahirkan pada 23 Oktober 1972 dan merupakan pelakon Malaysia. Beliau dibesarkan dari keluarga yang kecil sahaja iaitu mempunyai lima orang adik beradik. Yang pertama merupakan Sayid Habib Alwi. Yang kedua merupakan kakak beliau iaitu Sharifah Azalea, yang ketiga merupakan Sherie Merlis dan keempat merupakan adik beliau Sayid Habib Rizal dan yang bongsu sekali adalah adik perempuan beliau iaitu Sharifah Athirah.

Beliau sangat aktif dalam televisyen dan filem dan pernah dicalonkan dalam Festival Filem Malaysia, Anugerah Skrin dan Anugerah Filem Asia. Beliau telah melibatkan diri dalam bidang lakonan selama 30 tahun. Beliau juga pernah dianugerahkan sebagai Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Drama di dalam pencalonan “Di Telapak Kaki Bonda” pada tahun 2012. Karyawan veteran ini juga telah tercalon di dalam Anugerah Skrin 2018 kategori Pelakon Wanita Terbaik drama.

SEJARAH  
LISAN

### 3.1. Pengenalan

Sejarah lisan merupakan kaedah pengumpulan maklumat daripada individu yang mempunyai pengalaman dalam penglibatan diri dalam sesuatu bidang. Maklumat yang dikumpulkan akan dijadikan sebagai rujukan kepada sesiapa yang ingin mengakses maklumat berkaitan individu, budaya, atau peristiwa yang mempunyai nilai sejarah. Maklumat yang telah dikumpulkan akan menjadi satu bahan bersejarah yang bernilai dan dipelihara bagi kegunaan generasi akan datang. Di samping itu, Sejarah lisan bertujuan bagi mengumpul memori-memori dan pengalaman personal orang sumber yang mempunyai nilai yang signifikan dalam sesuatu isu sejarah tertentu (Hazman Azhar, 2013). Sejarah lisan yang dibukukan tersebut juga membantu dalam mengakses maklumat tersebut walau individu tersebut sudah lama tiada atau kewujudan budaya tersebut ditelan zaman dek perubahan zaman.

Aktiviti pembukuan suatu sejarah dapat memudahkan masyarakat setempat atau sesiapa yang ingin melaksanakan suatu kajian terhadap individu, budaya mahupun organisasi. Aktiviti pengkajian yg menjadikan suatu sejarah tersebut rujukan tidak seharusnya mengenai rujukan berikut malah ia juga boleh dijadikan sebagai statistik terhadap kajian tersebut. Oleh itu, Sejarah lisan memainkan peranan sangat besar dalam rujukan atau menambahkan ilmu pengetahuan yang membolehkan seseorang tersebut menilai sejarah yang dibukukan untuk kegunaan generasi hadapan

### 3.2. Objektif Sejarah Lisan

- 3.2.1 Untuk mengkaji kisah artis veteran yang telah dipilih sebagai kenangan pada masa akan datang
- 3.2.2 Untuk menambahkan koleksi pendokumentasian sejarah lisan melalui artis veteran yang dipilih
- 3.2.3 Untuk merungkai pengalaman artis veteran yang telah dipilih

### 3.3. Kepentingan Sejarah Lisan

Sumber lisan memainkan peranan penting kepada para pengkaji sejarah dalam melakukan pelbagai tema kajian sejarah terutamanya sejarah yang berkait rapat dengan individu, masyarakat dan juga industri seni. Menurut Rozeman (2004), kajian ini adalah satu bidang kajian yang umum meliputi pelbagai golongan. Kajian ini juga ditulis adalah untuk menambahkan pengetahuan kepada setiap individu apabila bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personaliti manusia. Selain daripada itu, menurut Ahmad (1987), sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi seterusnya amat penting dalam mencatat kejadian lepas yang pernah dilalui oleh seseorang atau sesuatu topik kajian. Selain itu, sumbangan sejarah lisan amat penting kerana berperanan di dalam menerangkan sejarah kepada masyarakat. Sejarah lisan adalah penting kepada masyarakat untuk mengetahui tentang peristiwa-peristiwa sejarah yang sangat meluas. Sejurus daripada itu, sejarah lisan amat istimewa kerana dapat mengaitkan antara zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Sesungguhnya, sejarah lisan ini dapat memainkan peranan yang amat berharga di dalam masyarakat sejurus dapat menggambarkan perkara-perkara bersejarah yang telah berlaku di samping ianya dapat memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu lapisan masyarakat atau sebaliknya (Universiti Of Malaya, 2020). Di samping itu, Kewujudan sejarah lisan berperanan bagi memperkembangkan industri seni di negara ini sejurus dapat memberikan sumbangan di dalam masyarakat di Malaysia. Sejarah lisan juga dapat didefinisikan sebagai proses yang melibatkan suatu peristiwa dengan pengumpul informasi yang mengatakan

perihal kejadian tersebut adalah secara dalam ingatan. Sumber sejarah lisan adalah merakam percakapan yang terjadi melalui pertemuan persahabatan yang dirancang dan yang telah dicatat oleh penyidik dan informan. Dikatakan memiliki fakta sejarah lisan merupakan satu kekuatan unik untuk menjelaskan peristiwa masa lalu yang telah terjadi. Abdul Rahman (1996) mengemukakan bahawa ianya boleh terdiri daripada cerita asal, mitos dan sebagainya. Menerusi cara ini ianya dapat berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Kajian ini juga Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004) serta dapat menanggapi keberkesanan daripada penyelidikan ini ialah kebanyakan pelakon yang ditemu bual memberi pendapat bahawa seni adalah satu kegiatan penting.



KAJIAN  
LITERATUR

#### 4.1 Topik 1- Industri Seni

Seni adalah bahagian semula jadi dalam kehidupan manusia. Setiap orang mempunyai naluri untuk mencintai seni. Terdapat pelbagai jenis seni persembahan, seperti filem dan drama. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seni didefinisikan sebagai kecil halus. Seni juga membawa maksud sebagai karya-karya seperti puisi, lukisan, muzik, dan karya lain yang diciptakan secara berbakat sebagai hasil dari sesuatu yang diciptakan. Seni juga didefinisikan sebagai masalah seni, keindahan, atau penyempurnaan. Menurut Fatimah Ali (1990), dalam bahasa Inggeris, rangkaian seni ini biasanya secara luas disebut sebagai "seni pertunjukan" atau "teater". Pada teater Melayu saat ini, itu juga secara luas disebut sebagai "pertunjukan seni" dan dianggap mencakup teater, muzik, dan tarian.

#### 4.2 Topik 2 – Industri Lakonan

Lakonan dan pelakon merupakan perkara yang berbeza. Lakonan dapat memberi maksud kepada pelakon yang mampu untuk membawa sebuah watak di dalam bidang lakonan. Terdapat istilah artistik yang umum di Malaysia, Indonesia dan Thailand, tetapi memiliki maksud yang berbeza. Istilah tersebut merupakan lakon. Di Malaysia dan Indonesia "lakon" membawa maksud cerita yang dipentaskan. Di Thailand istilah yang sama juga berarti tarian. Secara umum, dalam budaya masyarakat Asia Tenggara perantauan, terdapat sejumlah bentuk seni yang melibatkan gerak tubuh atau perlakuan manusia yang diamati oleh orang lain. Dalam kamus dewan, seni juga diertikan sebagai seni sandiwara (drama).

### 4.3 Topik 3 – Artis Veteran

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, Industri seni lakonan merupakan seseorang yang terlibat dalam suatu drama. Industri lakonan juga merupakan salah seorang individu yang melakukan aksi di atas pentas dan ditonton oleh individu lain sebagai penonton (Nizilla, 2007). Jelaslah bahawa, istilah pelakon itu menjurus kepada pelaku, iaitu manusia yang menjadi tontonan umum. Pelakon mestilah mempunyai sesi latihan sebelum memulakan sebarang lakonan. Masa yang telah diberikan untuk sesi latihan oleh pelakon adalah bertujuan untuk membina watak yang dibawa oleh pelakon tersebut. Hal inilah yang dikatakan sebagai “*continuous impression of novelty*” (Daniel Gerould, 2000, ms 101). Jelaslah bahawa semakin teliti dan efektif latihan yang telah dilakukan, semakin berkualiti lakonan tersebut. Selain itu, Filem merupakan satu saluran yang dapat menceritakan tentang kehidupan dan segala maklumat yang berkaitan dengan diri seseorang. Menurut Arsiah Jardi (1996) mengemukakan bahawa “imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan pelbagai kaedah teknikal dan digarap menjadi hasil karya seni, yang mempunyai pelbagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen”. Filem adalah satu media popular di negara ini. Pengarah merupakan seseorang yang bekerja di dalam mengarah sebuah filem bersesuaian dengan manuskrip. Menurut Faridah Ibrahim (2014) mengemukakan bahawa industri filem dapat memberikan kualiti yang baik daripada segi skrip dan penerbitan. Keupayaan seseorang pengarah dapat dilihat melalui kemampuan mereka dalam menyampaikan sesuatu perkara. Oleh itu, peningkatan kualiti filem tempatan itu selari dengan hasrat kerajaan menerusi program transformasi ekonomi yang berhasrat meletakkan Malaysia sebagai antara negara penerbitan filem dunia. Di samping itu, Filem tempatan hendaklah mengkaji kaedah modal insan seperti komitmet dalam pekerjaan, kepuasa kerja serta produktiviti. Hal ini sejurus dapat menjadi satu cara pemacu kejayaan bagi sebuah produksi yang telah dibina (Ismail Sulaiman, 2007). Terdapat langkah yang terbaik bagi memasuki kerjaya di dalam industri perfileman dengan memerlukan sebuah komitmen yang efektif serta mempunyai persediaan untuk memperoleh pengetahuan yang mendalam. Hal ini demikian kerana, kejayaan dalam sebuah produk penerbitan adalah bergantung kepada teknik dan kemahiran yang digunakan. Perkembangan budaya dan kreativiti negara dapat menyumbang pada industri perfileman namun kerjaya industri perfileman lebih bersifat “sementara” dan kurang diberikan

perhatian sewajarnya dalam masyarakat (Mohd Adnan, 2011). Menerusi kajian seperti ini, banyak kepentingan boleh diperolehi sebagai usaha berterusan menerokai peluang dan alternatif baru untuk memperkasakan pengurusan modal insan dalam industri perfileman yang bersifat realistik. Kajian ini juga diharap menjadi platform berkesan untuk pemantapan strategi, pembentukan hala tuju, pengukuhan organisasi dalam pembangunan pengurusan modal insan secara holistik.

TRANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA  
TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang lakonan. Bersama-sama kami ialah Sharifah Saadah Binti Wan Zainal yang merupakan seorang pelakon. Rakaman ini telah dijalankan pada tarikh 15 November 2021 bersamaan dengan Hari Isnin pada pukul 5.40 petang bertempat di Dorsett Grand, Subang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Afiqah dan juga Siti Bari'ah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**SB: (menyelak kertas). Okay [baik], Miss Sherie kita akan mulakan dengan bahagian soalan orientasi. Boleh Miss ceritakan sedikit tentang latar belakang Miss?**

SM: Emm. Baik. Assalamualaikum. Bismillahirrahmanirahim. Okay [baik], tentang latar belakang saya sedikit sebanyak saya boleh *share* [kongsi] ialah saya dilahirkan di *Sibu, Sarawak* [Sarawak] mak bapak saya arwah abah saya ialah Wan Zainal Abiddin Tengku Kasim dan ibu saya Radin Aini Radin Kalsom mereka juga orang Sibu maksudnya memang *local* [tempatan] lah daripada *Sibu* [Sarawak] (menunjuk ke arah depan). So [jadi] saya dilahirkan pada dua puluh tiga [23] hari bulan Oktober (menoleh ke atas) tahun 1972 di *Hospital Lau King Howe* [hospital] di *Sibu* [sarawak] dan saya dibesarkan dari keluarga yang kecil sahaja iaitu saya ada lima [5] orang adik beradik. Yang pertama [1] abang saya Sayid Habib Alwi yang kedua [2] kakak saya Sharifah Azalea yang ketiga [3] saya sendiri lah dan keempat [4] adik saya Sayid Habib Rizal dan yang bongsu sekali adik perempuan saya iaitu Sharifah Athirah kami adik beradik memang rapat sangat-sangat dan rapat jugak dengan mak dan abah saya (menoleh ke bawah). Kami dibesarkan dengan cara hidup yang cukup penuh dengan adab dan juga penuh dengan kasih sayang dan saya sendiri pun bila masa dekat sekolah tu sebenarnya saya dibesarkan dengan keluarga yang bukan jenis suka tengok *TV* [televisyen] tau mak bapak kita orang *especially* [terutama] my mom dia sangat-sangat garang dia lebihkan pada kita orang punya akhlak dan juga kita orang punya pendidikan jadi kita orang tak terdedah sangat dengan *TV* [televisyen] macam pelakon ke apa-apa semua sebenarnya saya tak tahu sangat-sangat.

**NA dan SB: (mengangguk dan ketawa)**

SM : Jadi bila saya berada di *KL* [kuala lumpur] selepas habis pengajian saya di *Matriskel High School* di *Melaka* saya memang nak sambung pelajaran tapi biasalah nak sambung pelajaran ni kita faham kena pakai duit kan jadi saya *involve* [melibatkan] dengan macam mana saya boleh *involve* [melibatkan] emm menerusi seorang kawan juga dia bekerja dengan *Tiara Jacquelin* emm (pandang bawah) siapa nama Islam apa tu Tiara nama Islam kan Tiara Jacqueline tu masa tu dia masih Jacqueline lagi lah kita orang saya bekerja di bawah agensi dia *you* [awak] nak berlakon iklan tak ha saya macam iklan? Masa tu saya agak *tomboy* [berkelakuan seperti lelaki] lah saya memang (ketawa) agak lasak sikit tak ada jenis *feminine* [keperempuanan] langsung tidak ada. Jadi saya macam hmm aku nak buat iklan okay ke ha? (muka pelik). Tak konfiden tau. Lepastu dia *makeover* [ubah suai] saya sampai saya berdiri depan cermin macam “aku ke ni” (ketawa).

**NA dan SB: (ketawa)**

SM: Hm, tengok belakang (toleh belakang), ha betul lah takda orang lain memang aku (tunjuk diri sendiri). So daripada situ saya *start* [mula] dengan *first* [pertama] iklan saya ialah ‘*Tomelife*’ pada tahun lapan puluh sembilan [89] ya *early* [awal] lapan puluh sembilan [89] dan selepas tu banyak iklan yang saya buatlah.

**NA dan SB: (mencatat)**

SM: Hujung tahun lapan puluh sembilan [89] tu, masa tu lapan puluh sembilan [89] ke sembilan puluh [90], Malaysia maksud saya dalam bidang industri

**NA dan SB: (menulis)**

SM: Dan selepas tu (pusingkan tangan) banyak iklan yang saya buat lah sampai lah hujung tahun lapan puluh sembilan [89] tu masa tu lapan puluh sembilan [89] ke sembilan

puluh [90] awal tahun sembilan puluh [90] tak silap saya aaa Malaysia maksud saya dalam bidang industri filem ni dia orang dah mansuhkan pawagam yang tiga puluh enam [36mm] tu, tiga puluh enam [36mm] tu kan saiz besar (menunjukkan bentuk besar), dia orang tukar kan terus kepada *Cineplex* [pawagam].

**NA dan SB: (menulis)**

SM: *Cineplex* [pawagam] *which is* [iaitu] yang sampai sekarang ni enam belas [16mm] yang saiz dia.

**NA dan SB: (menulis)**

SM: Dan masa tu bila filem-filem tiga puluh lima [35mm] ni dah bila filem-filem tu dah dimansuhkan (tunjuk tangan explain) *so* [jadi] maknanya kita perlu pengeluaran filem yang baru *which is* [iaitu] enam belas [16mm] *so* tiga puluh lima [35mm] dah tak boleh *fit* [sesuai] lagi kan jadi masa tahun tu semua *producer* [penerbit] di Malaysia ni *producer* [penerbit] Malaysia ni mencari pelakon-pelakon yang baru *fresh faces* [muka baharu] untuk dijadikan *heroin* [watak utama] (tunjuk tangan) dalam filem mereka kan?

**NA dan SB: (mengangguk)**

SM: Pada masa tu enam belas [16mm], *so* agensi saya pun haa hantarlah saya dia kata *we can give a try* [kita boleh mencuba]. Saya sebenarnya minat menyanyi (ketawa).

**NA dan SB: (ketawa)**

SM: Hahaha tapi lepas tu saya cakap berlakon *you* [awak] buka *open casting* [pita uji bakat] dia cakap. Saya cakap nak jadi pelakon (muka pelik) tak minatlah memang saya tak minat memang terus terang saya cakap memang tak minat. Memang tak ada kita tak didik untuk tengok *TV* [televisyen] kan untuk tengok filem apa semua memang tak



didikan pun tapi tahulah tentang (menunjukkan isyarat tangan) artis yang kita tahu *only few* [hanya sedikit] macam Ogy Ahmad Daud kan macam tu kita kenal lah kan? Dan masa tu agensi saya cakap ehh *we try* [kita cuba] lah *give a try* [cuba lah] mana lah tahu kut ni kira macam *you* [awak] amik sebagai *starting stone* [batu permulaan] dulu dia cakap mana tahu bila *you* [awal] bila *you* [awak] masuk dalam bidang lakonan ni entah-entah (menunjukkan isyarat tangan) *you* [awak] jumpa dengan aaa apa aaa apa tu *composer* [orang yang menulis muzik] kan *composer* [orang yang menulis muzik] lagu kan *then* [kemudian] dia boleh *cast-cast* [pelakon] *you* juga.

### NA dan SB: (mencatat)

SM: Dia boleh *audition* [ujibakat] *you* [awak] juga untuk tengok *you* [awak] boleh menyanyi ke tak *then* [kemudian] *you* [awak] jadi penyanyi and *then* kan *I* [saya] fikir macam ok gak boleh laa kan and *then* [kemudian] saya *first* [pertama] *casting* [pemilihan pelakon] untuk filem *part time* [sambilan] yang di bawah *production* [pengeluaran] M Jamir Sdn.Bhd. M Jamir anak kepada seniwati kita iaitu Sarimah Ibrahim emm *not* [bukan] Sarimah Ibrahim ehh seniwati kita kan Sarimah Ahmad seniwati kita kan Sarimah Ahmad yang Sabariah dalam cerita Kasim Selamat tu kan *so* [jadi] bila saya *casting* [pemilihan pelakon] tu ok lah saya buat macam biasa hm walaupun tak ada minat sebenarnya kan buat ajee. Alhamdulillah, tetiba *two weeks later* [dua minggu kemudian] dia orang *call me* [telefon saya], dia orang cakap Sharifah awak berjaya dia cakap untuk diambil untuk watak *heroin* [watak utama] kami lah untuk filem *I* [saya] *mean* [maksud] *so I was not excited honestly* [jadi saya tidak teruja secara jujur] (geleng kepala) saya tak ada *excited* [teruja] tak ada *okay* [baik] macam alhamdulillah tu je lah macam fikir dan aaa bila dah *actual* [sebenar] saya masuk ke *set* [adegan filem dirakam] uhh (menunjukkan isyarat tangan) itulah pertama [1] kali saya masuk dalam *set shooting* [adegan filem dirakam] kan saya pun takde latar belakang ehem ehem maksudnya kat dalam latar belakang maksudnya dalam bidang ni kan bidang filem ni. *So* [jadi], emm rata-rata yang saya masuk *set* [adegan filem dirakam] tu (membetulkan posisi badan pada kerusi) dalam keadaan *zero* [kosong] juga laa pengetahuan (tertawa) saya kan (membuat isyarat tangan). *We*

*do not know* [kami tidak tahu] *how to begin* [ bagaimana untuk memulakan] *we do not know what not what to do* [kita tak tahu apa..apa nak buat apa] *so* [jadi] saya *just* [cuma] pergi je, pergi je dengan ikhlas dengan fikir apa yang dia orang suruh buat, aku buat. Itu je. Then, untuk *first* [pertama] tu, *first* [pertama] tu lah teruk, terus terang saya cakap memang teruk (tertawa). Saya pernah dihalau oleh..oleh saya punya *assistant director* [penolong pengarah]. Saya tak ingat nama dia. Kak Ani yang *staff* [kakitangan] panggil dia Kak Ani je sebab em bila masuk *set* [adegan filem dirakam] ni kita kena bawak macam zaman dulu saya kena bawak pelakon kena bawa *wardrobe* [almari pakaian] sendiri jadi kena ada *preparation* [persiapan] (menunjukkan isyarat tangan). Jadi saya tak tahu benda tu, takde sape yang bagitahu saya *so* [jadi] bila dia orang kata ok datang tunggu kat sini sini alamat ni kita orang datang amik *you* [awak]. Masa tu takde *handphone* [telefon] tau kan *so* [jadi] kita macam memang dididik kalau orang bagi *time* [masa] untuk kita, *either you* [sama ada awak] sampai kat situ je *you* [awak] pergi lah *set* [adegan filem dirakam] tapi kalau *you* [awak] lambat kami tinggal *you* [awak]. *You* [awak] tunggu five [lima] [5] *to* [hingga] ten [sepuluh] [10] *minutes* [minit] jer (mengeluarkan bunyi ehem ehem). Kalau *you* [awak] terlambat *means you* [bermaksud awak] pergi sendiri lah kan? Takde nak *inform call-call* [maklumkan panggilan] (membuat isyarat telefon) abang kat mana ? Takde lah kan (tertawa).

**NA: (tertawa)**

**NA dan SB : (mencatat)**

SM: Jadi saya dah terbiasa dengan - didikan itu *so* [jadi] yang pertama kali tu bila saya tak bawa baju datang ke *set* [adegan filem dirakam] rasa pening kepala *which* [yang] ada macam mana kita nak *shot* [berlakon] ni. Ok lah *first* [pertama] untuk *next scene* [adegan seterusnya] boleh la ada sorang pelakon ni itu yang buat saya *start* [mula] jadi rapat dengan dia aaa Oci. Mungkin zaman *you all* [awak semua], *you all* [awak semua] tak kenal dia kan. Oci. Dulu dia memang popular lah pada zaman tahun 80 an.

**NA dan SB: (mencatat)**

SM: *So* [jadi], Oci ni cakap aaa Mia ahhh dia kata takde sape bagitahu kau ke? Takde erghh tak tahu ok takpe takpe bang saya bawak dia balik rumah saya kejap *luckily* [nasib baik] that kami saiz sama.

**NA dan SB: (mengangguk)**

SM: *So* [jadi] dia pun bawak saya balik rumah je *so* [jadi] dia bagi je saya pakai (menunjukkan isyarat pakaian) pakai baju apa benda semua dia bagi apa yang ada and *then* [kemudian] bila dah masuk, *of course* [sudah tentu] lah dia watak dia sendiri *so* [jadi] dia tahulah apa benda baju yang dia nak bawak tapi dengan watak saya, saya dengan tak *study* [belajar] skrip kan, ehem *so* [jadi] saya tak tahu lah baju apa? So dia pun \_ \_ \_ \_ *ask the to the* [bertanya kepada] punya *assistant director* [penolong pengarah] untuk tanya apa-apa *next..next* [seterusnya..seterusnya] baju tu kan bukan hal dia pun sebenarnya, bukan masalah dia pun kan *so* [jadi] saya pun emm (menunjukkan isyarat tangan) dia bagi baju untuk satu [1], dua [2] *scene* [adegan] aje and *then the next* [kemudian seterusnya] bila *scene* [adegan] yang lain tu saya pun takada baju lagi *so director* [pengarah] saya marah saya. Dia kata, keluar, dia kata (menunjukkan isyarat keluar). Dia ni suruh dia keluar dulu (sambil menunjukkan isyarat keluar) bagi dia dalam masa dua [2] hari korang buatlah apa yang patut dibuat dekat dia..*train* [ajar]dia dulu apa benda semua barulah boleh masuk *set* [adegan filem dirakam]. Uhhhhh saya rasa macam huhhh bukan aku nak pun (tertawa).

**NA dan SB: (tertawa)**

SM: Masa tu kan, nak pun tapi dari situ lah alhamdulillah sebenarnya kejadian tu dengan didikan saya pulak memang diajar untuk buat *I mean is* [maksud saya ialah] kalau benda tu kesalahan *you* [awak], *you* [awak] kena amik dan *you* [awak] kena pikul tanggungjawab tu., *so* [jadi] pada saya *when I like it or not* [bila saya suka atau tidak], itu dah jadi kerjaya yang saya pilih dan saya tak boleh nak macam saya tak ada pemikiran masa tu macam ok alah masa ni je aku berlakon kut. Lepasni aku taknak

dah. Saya takde niat pemikiran macam tu. Saya terus *start* [mulakan] ok aku dah buat ni, *so next* - [jadi seterusnya] kalau orang lain nak panggil aku lagi (menunjukkan isyarat tangan) macam mana, nak tak nak aku kena belajar kan. Aku kena belajar apa benda kesilapan yang aku buat untuk first filem *so* [jadi] alhamdulillah daripada situ saya belajar belajar banyak berjumpa dengan orang lama-lama. Masa tu yang saya punya yang jadi bapak masa tu adalah arwah Abdullah Chik saya berjumpa dengan dia. Dia orang lama *of course you* [sudah tentu awak] kenal kan aaa arwah Abdullah Chik aaa lepas tu M Jamir sendiri and Dato Sarimah sendiri kan.

#### **NA dan SB: (mencatat)**

SM: Dan ya oh ya, masa lepas *shooting* [berlakon] tu, apa semua tu banyak jugak pengalaman saya untuk *first* [pertama] filem tu aaa *I learn it the high way* [saya belajar dengan cara yang tinggi] lah haaa orang kata kan. Tapi bagus, alhamdulillah dan selepas habis semua *shooting* [berlakon] dua [2] minggu selepas tu, *director* [pengarah] saya telefon. *Director* [pengarah] saya cakap, dia kata .. (bunyi loceng) Ok Sharifah, sekarang ni yang tu kita ada *PC* [Press Conference]. *PC* [Press Conference] ialah apa benda tu dia cakap (membuat muka pelik). *PC* ialah *Press Conference* [sidang media] untuk memberitahu macam mana dan bagaimana lagi selepas ni dan apa yang patut saya buat lagi selepas ni setelah penggambaran (menunjukkan isyarat menerangkan sesuatu) tu habis kan.

#### **NA dan SB : (mengangguk sambil mengiya)**

SM: Jadi saya pun, masa tu saya terfikir lah ok mungkin minta *tips* [petua] sikit lah “*how should i react*” [bagaimana saya harus bertindak] pada masa tu kan *press conference* [sidang media] tu, lepas tu yang bagitahu *okay* [baik] ini “*this is you now*” [ini awak sekarang] (menunjukkan isyarat ada orang bagi macam kertas), nama awak bukan nya Sharifah lagi, nama awak adalah “Sherie Merlis”, sebab singkatan nya saya di dalam keluarga saya, saya dipanggil “Lisa”.

**NA dan SB: (mencatat)**

SM: Atas singkatan nama “Merlisa” sebab nama betul saya tu adalah nama yang arwah abah saya maaf saya masih kekok lagi nak sebut arwah sebab dia baru sangat meninggal kan aaa arwah abah saya letak nama “Sharifah Saadah” tu sebab nama nenek saya.

**NA dan SB: (mencatat)**

SM: Nenek saya jadi nenek saya nak sangat anak abah saya ni, dinamakan atas nama Sharifah Saadah ni. Jadi tu lah nama dalam *IC* [kad pengenalan] saya *while* [sementara] belah keluarga saya pulak panggil-panggil letak nama “Merlisa” tu *so* [jadi] dia panggil “Lisa” je *so* [jadi] nama tu yang saya gunakan (membuat isyarat menerangkan sesuatu). Bila masa nak nak *casting* [pemilihan pelakon] tu saya letak nama Sharifah Merlisa tu je jadi bila dia orang kata nak letak nama penuh *you* [awak] “Sharifah Merlisa” tak boleh sebab kita ada “Merlisa Sails”. So, saya orang semua cakap \_\_\_\_\_ dengan “Merlisa Sails” *so* [jadi] muka sama *you know* [awak tahu]. Jadi kita tak nak letak bawah bayangan bayang-bayang “Merlisa Sails” . *So* [jadi], “Sherie” tu adalah “Sharifah” (menunjukkan isyarat tangan) aaa “Merlisa” aaa “Merlis tu adalah apa nama “Merlisa” tu tadi.

**NA dan SB: (mencatat)**

SM: Dan nama tu alhamdulillah lah “*I’m quite proud*” [saya cukup bangga] (senyum sambil pandang atas). Sebab nama tu diberi oleh seniwati kita “Dato Sarimah”. Dia yang pilih nama tu untuk saya.

**SB: (mengangguk)**

SM: Jadi haa ya *who knows* [siapa tahu] sampai sekarang nama tu melekat. Alhamdulillah. Tapi cuma masa tu saya macam (kedepan kan badan dari kerusi). Ehh tak boleh laa, -  
- pergi lah dengan nama tu urghh (tertawa).

**NA dan SB: (tertawa)**

SM: Saya rasa macam pelik nya nama aku “Sherie Merlis” asal macam tergantung (memek muka tak suka) je kan. Memang tak selesa dengan nama tu tapi *after a while* [selepas seketika] bila orang dok panggil “Sherie --”. Ha okay selesa. Ok lah, sampai sekarang ni kan. Alhamdulillah dan saya pulak apa selepas - \_ \_ \_ \_ \_ filem tu selesai, kami buat “*Press Conference*” [sidang media] dan di situlah saya kenalkan nama saya sebagai “Sherie Merlis” dan alhamdulillah dan kerjaya saya bermula daripada situ lah (tertawa).

**NA dan SB: (tertawa)**

SM: Tu serba sebanyak haha latak belakang saya yang saya boleh beritahu.

**SB: (membelek kertas)**

**NA: (mencatat). Seterusnya, kita akan masuk kepada bahagian soalan kebiasaan. Boleh kami tahu bagaimanakah tanggapan Miss Sherie terhadap bidang lakonan pada masa dahulu dan sekarang? (bunyi televisyen)**

SM: Emm, baik. Ok untuk aaa perubahan yang kita anggap benda tu perubahan macam yang saya cakap tadi untuk awal-awal masa sebelum mula dalam bidang ni masa tu zaman kita takde *handphone* [telefon bimbit] lagi kan berbeza dengan sekarang. Sekarang ada *handphone* [telefon bimbit] macam-macam lagi kan banyak benda teknologi yang baru kan jadi perbezaan nya dekat situ memang banyak sangat sangat *which is* [iaitu] kalau dulu kami nak pergi kerja orang bagi *cowtime* [masa] kat kami kan, katakan besok, besok Cik Sherie *cowtime* [masa] awak pukul 8.00 jadi kami akan

sebab..rumah tu jauh sikit, kami akan *pick up you* [ambil awak] pukul *say about* [katakan tentang] pukul 8.00 dia orang akan *pick up* [ambil] pukul 6.30 haa kan..pukul 6.30, 6.30 *you* [awak] ada sini. 6.40. Paling lambat menunggu lah enam [6] bagi sepuluh [10] minit kan 6.40 takde habis lah *so* [jadi] kami dah terbiasa dengan benda tu jadi macam mana pun paling lambat kami ada dekat situ pun 6.35. Lima [5] minit je lambat lah kan (Tertawa). Sebab kalau *you* [awak] tertinggal habis lah *you* [awak] kan. *You* [awak] nak call lagi *taxi* [teksi] lagi untuk pergi masa tu, masa tu mana ada *Grab* [perkhidmatan pengangkutan] kan aaa ada *taxi* [teksi] je. Jadi berbeza dengan sekarang, sekarang ni kalau *cowtime* [masa] pun pukul lapan [8.00] sekali pun artis boleh cakap “Kami *otw* [dalam perjalanan] ---” aaa dia boleh datang sendiri lah kan sekarang. Boleh tahu pukul berapa - *and then* [dan kemudian] sampai yang paling mengecewakan kalau nak kena tunggu sampai 1 [satu] jam.

#### **NA dan SB : (mengangguk)**

SM: Pada saya lah, menunggu satu [1] jam ya banyak benda yang kita boleh buat dalam masa satu [1] jam tu. Satu [1] jam setengah ok lah banyak juga lah benda. Dua [2] jam tu kira agak penat lah menunggu.

#### **NA dan SB : (Mengangguk)**

SM: Lebih daripada tu, saya tak boleh *accept* [terima] saya tak boleh *accept* [terima] menunggu lebih daripada tiga [3] jam tu dan datang dalam keadaan tidak *prepare* [bersedia] kan mana-mana pelakon yang datang dalam keadaan yang tidak *prepare* [bersedia] (menunjukkan isyarat muka yang tidak suka) langsung. Saya lebih sanggup bekerja dengan pelakon-pelakon baru yang katakan dia orang terlambat dalam satu [1] jam atau pun tak kisah lah orang tu nak tulis ke apa \_ \_ \_ \_ \_ nak cakap pasal dia. Tu kehidupan dia. Dia ni kaki apa ke? Kaki clubbing ke kaki apa. Itu saya tak boleh nak komen. Itu peribadi dia (menunjukkan isyarat tangan diangkat ke atas). Antara dia dengan Allah lah apa benda dia buat tu kan. Janji bila dia masuk *set* [adegan filem dirakam], *you are prepared* [anda bersedia] . *Well prepared!* [bersiap sedia] *We* [kami]

tidak sebab apa saya kata kena *prepare* [bersedia] tu sebab *you* [awak] tak boleh menyusahkan orang lain. Betul tak?

**NA dan SB : (mengangguk)**

SM: Kita bekerja satu kerja kan dalam satu [1] bidang - perfileman ni adalah satu - kerja yang untuk kita mendapatkan hasil yang bagus, kita perlukan *teamwork* [kerja berpasukan]. Ini satu satunya memang benar-benar *teamwork* [kerja berpasukan] maksudnya kalau salah sorang daripada team kami takde. Contoh, kalau pelakon takde, *you* [awak] nak *shoot* [berlakon] apa kan?

**NA : (mengangguk dan mengiya kan)**

SM: Jadi kena ada pelakon jugak. Kalau *cameraman* [jurukamera] takde, yang lain semua ada tapi *cameraman* [jurukamera] kite orang takde, dop kita orang takde. Kite orang nak *shoot* [berlakon] apa kan? Katakan, semua ada tapi *soundman* [orang yang menguruskan audio] walaupun dia buat *audio* [bunyi] saja, *Audio* [bunyi] kita takde. Siapa yang nak *record* [rakam] kan suara kan. Katakan, *makeup* [jurusolek] takde, tak kan pelakon nak berlakon muka macam tu je? Mesti kena ada *makeup* [jurusolek]. Ada wardrobe [almari pakian]. Ada apa. Jadi semua *team* [pasukan] tu mesti bersatu hati (menunjukkan isyarat tangan bergabung) untuk ha habiskan dan untuk siapakan satu naskah yang baik. Itu dan juga, perbezaan nya dulu, dulu kita ni ini dari segi bajet lah saya rasa. Industri sekarang ni, sebenarnya agak mengecewakan. Kenapa saya cakap macam tu?

**NA dan SB : (mencatat)**

SM: Dulu masa saya masuk dulu, bila kita nak buat *shoot* [berlakon] satu [1] cerekarama, cerekarama ni adalah tali filem yang sembilan puluh [90] minit *run* [lari]. Sembilan puluh [90] minit *run* [lari]. Untuk siapkan itu, kita it takes *it tooks one..no..no it tooks fourteen* [ambil masa empat belas] [14] to *eighteen* [lapan belas] [18] *days* [hari] [ia



mengambil masa satu..tidak..ia mengambil masa empat belas [14] hingga lapan belas [18] hari untuk kita siapkan sebuah naskah tadi telefilem atau cerekrama tu. Sekarang untuk kita siapkan satu cerekrama lima [5] hari that is *ridiculous* [mengarut] sebenarnya. Sebenarnya itu *ridiculous* [mengarut] tapi masalah nya dia orang ni yang saya nampak ialah bila sape-sape yang boleh buat dalam masa masa lima [5] hari uhh *director* [pengarah] tu bagus, *production* [pengeluaran] ni bagus sebab dia ni *you* [awak] bagi dia satu [1] *job and then* [kerja dan kemudian] dia boleh siap dalam masa lima [5] hari. *Yes !* [Ya] Memang betul ! (menunjukkan isyarat tangan sedang menerangkan sesuatu). Engkau punya bajet memang kurang kan *you cut cut off* [awak potong potong] semua bajet kan. *You* [awak] singkatkan singkatkan sampai jadi lima [5] hari. *You* [awak] sama sekali tak fikir yang bekerja tu adalah manusia.

#### NA dan SB : (mengangguk)

SM: Bukan nya *machine* [mesin] tau *especially* [terutama] pelakon. Macam saya sebagai pelakon saya kena saya bukan nya nangis guna minyak cap kapak (menunjukkan isyarat meletak kan sesuatu di dalam mata) ke *eye mo* [ubat titis mata] ke. Tak ! Tapi saya menggunakan betul-betul aaa emosi saya bila dah belajar betul-betul ialah saya dah lama dah tiga puluh [30] lebih tahun dalam bidang ni memang dah jadi cari makan saya, memang dah jadi *profession* [pekerjaan] saya umhhhh.

#### NA dan SB : (mencatat)

SM: *But then end* [tetapi kemudain berakhir], saya taknak sebut dia *profession because it's so unfair* [pekerjaan sebab tidak adil] sebab *honestly* [secara jujur] dan *sadly* [sedihnya] bidang saya ni dia tak tak begitu professional emm dia belum sampai ke tahap professional lagi sebenarnya. Dan itu yang mengecewakan saya (kecewa) sampai tahap \_\_\_\_\_. Walau bagaimanapun, saya tetapkan juga lah, dengan *I means* [maskud saya] ini saya tahu buat dan mungkin kut yang saya bagus buat tak tahu lah kan. Mudah mudahan lah kan insya Allah. Aaa macam dulu, "*you give us memang ample time*" [anda memberi kami masa yang mencukupi] (menunjukkan isyarat tangan

menerangkan sesuatu) kan kita boleh dalam masa empat belas [14] hari untuk siapkan naskah *telemovie* [filem untuk diedarkan oleh saluran televisyen] iaitu satu [1] sembilan puluh [90] minit tu jadi dalam satu [1] hari kita boleh *shot* [berlakon] katakan satu [1] hari paling banyak pun tujuh [7] *scene* [tempat kejadian] laa kita boleh *shot* [berlakon] itu dulu okay berbeza dengan sekarang satu [1] hari kita *shot* [berlakon] dua puluh [20] *scene* [adegan]. Awak bayangkan betapa jauhnya (menunjukkan isyarat tangan).

### NA dan SB : (mencatat)

SM: Aku tak faham betul lah. Kan? Macam mana boleh jadi macam tu tau. *So* [jadi], saya cakap dengan dia orang, “*Guys, hello, how are you?*” [kawan kawan, hello apa khabar] (Ketawa). Eh *how are you* [apa khabar] (ketawa), tu yang saya cakap dengan dia orang..bila kita macam orang-orang yang saya kata tadi macam zaman sekarang yang mengecewakan saya (mendepankan posisi badan ke hadapan daripada kerusi) tadi lah..bila dia orang tak *prepare* [bersedia]. Macam saya kata perbezaan dia eh..perbezaan antara dulu dengan sekarang..memang jauh sangat-sangat (membuat isyarat tangan menerangkan sesuatu). Sangat jauh. Tak reti saya nak cakap apa sampai kita dah tak boleh *control* [kawal] dia orang.. tak boleh dididik lah, tak boleh nak *control* [kawal] lagi. Serah je kan. Dah bukan urusan kita dah. Urusan Allah dah tu. \_ \_ \_ \_ dah tak payah urus lagi kan. Janji yang penting pada saya lah, *personally* [secara peribadi] saya rasa prinsip saya ialah aaa buat sesuatu tu dengan kesungguhan, buat dengan faham, buat dengan ikhlas..apa yang saya buat tu. Bila ada tiga [3] benda ni..kesungguhan kita, kefahaman kita tentang apa benda kita nak buat dengan ikhlas..insyaAllah dia akan boleh pergi. dan satu [1] lagi dari segi, dari segi pergaulan saya pulak..saya fikir macam..saya jangan sekali..jangan sekali lah buat naya pada manusia..jangan buat naya atau pun apa-apa saja yang boleh membuatkan hati orang tu terasa, buat orang tu sakit hati ke, buat orang tu terguris ke kan? Itu saya cuba jaga. InsyaAllah dan alhamdulillah *so far okay* [setakat ini baik] lah kut, tak tahu lah kan kut-kut orang sebenarnya terasa dengan saya tapi dia nak jaga hati. Tak kan dia nak cakap “Eh, tak *okay* [baik], *okay* [baik] Sherie”. Belakang “tapi Sherie tu” (membuat isyarat tangan membisik sesuatu). Mana ada berani orang cakap depan-depan kan? (ketawa).

**NA dan SB: (ketawa)**

SM : Gila, kang kena pukul aku kang (ketawa). Saya harap lah benda-benda tu semua akan *okay* [baik] lah kan..dan janji saya tak aniaya orang, saya tak buat sape-sape pun, saya tak buat jahat pada orang. Kalau orang nak buat jahat pada saya, yang perlu saya tahu ialah saya kena bersabar dan (menunjukkan isyarat tangan menerangkan sesuatu) jangan balas apa-apa. Buat tak tahu je. Kalau saya boleh buat tak tahu tu, saya kena buat tak tahu. Kenapa saya kena buat tak tahu tu? Sebab supaya hati kita tak sakit, supaya kita tak berfikir tentang tu..kalau hati kita berfikir tentang tu..dengan apa yang dia buat. Dah tentu kita sakit. Kita manusia kut, kan? Kan? Dah tentu akan rasa terguriskan, terluka, tentu rasa tak puas hati, tentu rasa \_\_\_\_\_ apa aku nak buat dengan dia? Mesti ada. Jadi *the only thing I can do is that "forget about it"* [satu-satunya perkara yang boleh saya lakukan ialah lupakannya]. Ohh, *you* [awak] buat macam ni? *Okay* [baik] sebelum *you* [awak] singgah dalam hati, ohh tahu je *okay* [baik] dah cukup cukup cukup". *Okay* [baik] laa bukak cerita pasal botol ni ke (memegang botol), macam mana dia orang buat benda ni aaa kan? Untuk elak kan *you* [awak] daripada terus fikir benda tu kan yang membuatkan *you* [awak] sakit hati. *As long as* [asalkan] saya tidak ada buat orang macam tu, kalau dia ada buat apa-apa dekat saya pun bukan kerja saya. Itu saya serah..itu antara dia dengan Allah. Aaa dan insyaAllah *you* [awak] akan *happy* [gembira]. InsyaAllah *you* akan *happy* [gembira] sebab *you* [awak] takde rasa sakit hati \_\_\_\_\_ *you* [awak] tak tersimpan (memegang dada) sebab sakit hati ni beban tau untuk jiwa ni. Pada saya lah emm letih nya aku nak sakit hati benda ni lagi, nak pikir macam mana nak balas dendam dengan dia, \_\_\_\_\_ kerja aku pun tak habis lagi (ketawa).

#### NA dan SB: (ketawa)

SM: Pada saya lah, baik aku pikir benda-benda yang biasa-biasa je kan. *To me* [pada saya] lah *that's why idea we think* [itulah sebabnya idea kita fikir] laa kan. Kita *break* [rehat] kejam.

#### SB dan NA: (membelek kertas).

SM: Okay, kita sambung ya?

**SB: Aa (Mengangguk dan membelek kertas).**

**NA: (Menekan butang rakaman suara).**

SM: Yang tadi tu, bila wartawan tu (Menelan, dan membetulkan kerusi) buat tajuk macam tu, saya pun jadi terkejutlah. Kan? Betul tak? Dengan artikel yang dia buat macam tu. Lepas tu saya terus telefon dia, Nasrah Jannum dia. Saya *call*[panggil] dia, saya tanya dia. “Kak-” Aa! (menunjukkan jari ke arah seseorang) sebab itulah kenapa saya bukap citer pasal cik, apa benda semua panggilan tu la, apabila *you refused me calling you*[awak tidak mahu saya panggil awak] cik Nafsiah ja, *instead of*[daripada] panggil you kakak. *You know I do want that* bukan, boleh ja panggil ja sebenarnya. *As long as you*[Asalkan awak] faham, kan? Cara *you*[awak] panggil, kenapa? *it is doesn't mean that*[Ia tak bermaksud] kakak ni you boleh buat suka hati *you*[awak] kan? Bila saya cakap panggil *you*[awak] cik nafsiah kita boleh rapat, boleh rapat lagi. *But then*[Tapi kemudian], mungkin di situ *you*[awak] tau, kerja you (menunjukkan jari ke arah seseorang) macam mana, dan kerja *I*[saya] (menunjuk jari ke arah SM) mcm mana, kan? Yang tu bila saya tanya, dia *insist*[bertegas] suruh saya panggil dia kakak. So, saya tak *argue*[berdebat] panggil dia, saya panggil dia kakak. “Kak Nafsiah, sampai hati kak nafsiah. Kenapa bagi tajuk macam tu? Kak Nafsiah cakap dengan saya tak, ini cakap pasal anak saya ja. Tak da langsung pasal” “Oh, yaka. Erm, tak okay ke?” “Memang tak okay, kak. *Family*[keluarga] saya pun terkejutlah dengan apa tajuk, kan?” Dia cakap. Dan *you*[awak] tau dia bagi bagi jawapan apa kat saya? Dia cakap, “macam ni ja Sherie. Awak cakap ja dengan sapa-sapa yang kalau dia tanya awak tu, dia ni saya dah tanya ketua *editor*[penyunting] saya, dan ketua *editor*[penyunting] saya suh cakap macam ni. Itu adalah gimik \_\_\_\_” *How could you say that?*[sampai hati awak] Saya bukannya sorang aja yang baca benda tu. Satu Malaysia. Tak kan saya nak keluaran kenyataan ralat, kata “tajuk adalah untuk gimik *you*[awak] \_\_\_\_ saja.” Betul tak? Tak kan saya nak buat macam tu. Ianya akan menjejaskan jugak kredibilit

*what*[apa] *you*[awak] RTV, Utusan, kan? Betul tak? *So*[jadi] saya sangat-sangat kecewa la dengan perkara tu. Dan bila, (menelan air liur) *Ex Husband*[bekas suami] saya baca, tentu dia terasa. Sapa-sapa pun, kan? Saya faham kenapa dia terasa. Cuma saya tak, tak sangka *action*[tindakan] yang dia ambik tulah. *Which is*[dimana] em- *he took away my children from me for seventeen years. Can you imagine that?*[dia bawa lari anak saya selama tujuh belas tahun. Boleh awak bayangkan itu?] Disebabkan artikel tu. Tujuh belas tahun saya tidak jumpa anak saya, saya tak tahu mana diorang. (Berfikir) Paham tak? (makan buah anggur dan mengunyah). So sebab itulah saya kata, kenapa pentingnya media ni mainkan peranan yang betul. Tahu tak? Bila *you*[awak] bekerja tak pikir, tidak tahu *you*[awak] punya *etiquettes*[etika], tidak tahu tentang tanggungjawab *you*[awak]. Amanah *you*[awak], dan *you*[awak] tak pikir pun salah ka tak salah apa benda *you*[awak] buat. *You*[awak] cuma pikir nak, nak untung ja, kan? Okay, sebab korang tak pernah tahu. Sherie tak banyak cerita pasal diri dia. *So*[Jadi], ini mungkin satu cerita yang “oh orang baca orang- Oh okay! ni *something new*[benda baru] pasal Sherie.” *I mean, how can you do that?*[maksud saya, sampai hati awak] Kan, betul tak? *You*[awak] tak tau apa benda *you*[awak] dah buat dengan pasal hidup *I*[saya]. Tempoh untuk seorang ibu? Ibu yang mengandung, yang melahirkan anak dia. Untuk seorang ibu berpisah dengan anak dia, masa tu anak saya umur (berfikir) dua dengan tiga tahun. Untuk saya berpisah dengan diorang selama tujuh belas tahun tu, uish (mengeleng kepala) sungguh menyakitkan. Sangat-sangat menyakitkan. Untuk mak yang biasa pun. Bukan mak sahaja, jangan pikir saya seorang artis, jangan pikir saya ni seorang pelakon yang ada nama. Takda (kedua-dua belah tahan melambai). Tak yah pikir tu. Saya seorang manusia ja. Kan? Sebab sebagai ibu, apa saya rasa, apa lagi yang saya boleh buat, itu yang saya membuatkan saya, betul-betul *ban*[boikot] wartawan. Bagi saya, tak penting (geleng kepala sambil mengayun tangan menafi) diorang nilah. Kalau macam tulah, semua orang takda (berfikir) bersungguh-sungguh untuk pegang amanah kerja dia. Kan? Dia main buat aje (Tangan menghayun melemparkan sesuatu), main buat tanpa dia pikir apa akan jadi pada kita. Betul tak?

**SB dan NA: betul (mengangguk)**

SM: (berfikir) Itu membuatkan saya tak nak, *refused to be interview by*[menolak untuk ditemubual] wartawan. Sehingga, bila wartawan tu jumpa saya balik, satu hari nanti. Saya berjumpa dengan wartawan yang menyediakan soalan yang sangat bagus untuk saya, baru saya nak. Baru saya nak di *interview*[temuramah] dengan diorang. Kan? Kau cerita pasal kejayaan aku, *make sure*[pastikan] kau buat, betul korang tak nak tau, tak nak tau tetapi kalau *you*[awak] jadi wartawan jadi hiburan, kadang *journalist*[wartawan] untuk hiburan (menggaru telinga). *You*[awak] tak nak tau (membuka depa lengan) ka tentang apa ni, tentang hiburan kita ni macam mana? Kan? Bercerita- sebenarnya, *every week you*[setiap minggu awak] boleh *come out with*[hasilkan] benda yang sangat-sangat bagus, *which is* bukan setakat pelakon(meletak tangan di dada), dalam bidang *entertainment*[hiburan] (menghayun membuka depa tangan) ni, luas. Dia ada bercabang-cabang (tangan menghayun menunjukkan arah) bidang. *You*[awak] boleh ja, pergi ke set (tangan kiri menunjuk ke arah kiri). Okay lah, minggu ni aku nak gi ke set drama ni (tangan kiri menunjuk ke arah kiri). Aku nak tau set *director*[pengarah] ni(tangan kiri menunjuk ke arah kiri), macam mana dia boleh buat macam ni (menghayun tangan ke arah kiri), macam mana dia boleh buat macam ni. Aku nak jumpa *script writer*[penulis skrip] ni. Banyak cerita yang *you*[awak] boleh buat. Banyak benda-benda yang bermanfaat, untuk *you*[awak] jamu pada pembaca-pembaca. Betul tak?

**SB dan NA: Em! (mengganguk).**

SM: Dengan *knowledge*[pengetahuan] dan jugak dengan penerangan *you* tu. Kan? Penerangan dan maklumat *you*[awak] yang bagi pada orang ramai. Orang lain pun-orang ramai pun akan terdidik(menghayun tangan di tepi kepala) dengan benda-benda yang bagus saja dengan bahan-bahan bacaan diorang. Betul tak?

**SB: Betul, betul, betul! (mengganguk)**

**NA: (mengganguk)**



SM: Aa! Jadi bila *you*[awak] fikir tentang apa kehendak hati *you*[awak] (tangan didada) yang *you* okay, okay ni boleh melakukan *you*[awak] punya majalah. Tanpa *you*[awak]-itulah akan jadi. Saya sangat, saya tak tahu, saya sorang ja ka? Tapi saya salah seorang daripada antaranya lah, yang membuatkan saya, hidup saya teruk! Saya cakap betul(menggeleng kepala), awak. Terlampau teruk(menggeleng kepala). *You*[awak] just imagine kalau *you*[awak] berpisah dengan mak bapak *you*[awak]. Mak *you*[awak] lah *especially*[terutama sekali], kan? Sampai (berfikir) anak-anak saya tu, saya jumpa diorang bila umur diorang (berfikir sambil menggosok hidup) tujuh belas[17] ke lapan belas[18]. (mengangguk) *you just imagine*[awak bayangkan], daripada umur dua[2] ke tiga[3] tahun. (melambai tangan menafikan) Saya tak pernah (menghayun tangan menidak) tengok diorang. Bapak dia ambik dia terus. Itulah dia, kesan dialah. Bapak dia rasa malu dengan apa yang keluar tu, apa yang keluar tu. "Okay, kau main cara macam ni, kau tengok apa aku akan buat (menunjuk jari telunjuk)." Ya! Itu satu hal(menghayun tangan kedepan). Itu antara dia dan Allah apa dia buat pada saya, kan? Tapi, *what cause it?*[apa penyebab itu] Memang itu adalah asbab aje. Allah bagi untuk jadikan kita macam tu, tapi kita bercerita tentang tanggungjawab kita dalam kerjaya kita. Tanggungjawab dengan pemahaman *you* dalam apa, ilmu *you*[awak] dah ada. Sepatutnya itu *you apply*[awak tengok] balik kerjaya *you*[awak], dia takkan (menggeleng kepada) jadi macam tu. Betul tak?

**SB dan NA: (mengangguk)**

SM: *You* tau *etiquettes* *you*[etika awak] macam mana- macam mana sebenarnya, *you* tak boleh redah orang punya peribadi sampai macam tu, kan? Tanpa *you* tak *discuss*[bincang] pun dengan *I*[saya]. *You*[awak] dah berjanji lagi (menunduk kepala) dengan nama Allah lagi (menghayun tangan kedepan). Macam mana boleh jadi macam tu? Sebab tu saya kata wartawan-wartawan Malaysia kita, saya tak heran (hayun tangan menidak) kalau diorang tak *interview*[temubual] saya. Diorang tak layak pun *interview*[temubual] saya. *Sorry to say*[maaf saya cakap] (menolak tangan kedepan), tapi memang benar (mengangguk). Diorang memang tidak layak langsung untuk *interview*[temuramah] saya. Sebab saya memang nak bercerita tentang kerjaya saya.

*How*[Macam mana] saya nak penerangan saya ni, dan diorang ambik (tangan mengambil sesuatu di udara), dengan info ni, diorang sebarkan kepada semua orang (menghayun kedua-dua tangan kedepan). Bagaimana kami ni saya ni (tangan meletak didada) mewakili pelakon-pelakon macam mana kitorang lalui kerjaya kitorang. Supaya *every each one of us*[setiap orang dari kalangan kami] (tangan bergilir kedepan kebelakang), baik orang luar (tangan kiri menghayun ke kiri) baik, orang bukan bidang saya (menghayun tangan ke diri sendiri), ada terbit rasa tak perlu hormat la, terbit rasa faham diorang dengan macam mana hal, cara saya, cara saya buat kerja, kan? Jadi, (gangguan bunyi plastik) dia (menghayun tangan kiri ke kiri) kena apply jugak dengan kerjaya dia, katakan dia *royal*(menepuk tangan). \_\_\_ lah aku macam ni jugak. Aku tau kerjaya aku, aku tau klien aku macam mana, macam mana hal kerja \_\_\_, kan? Itu satu benda yang bagus, benda yang baik, benda yang bermanfaat untuk kita *share*[kongsi] kepada orang ramai. Betul tak? *instead of you*[daripada kamu] serang orang buta-tuli macam tu. *So that's why I*[Jadi, sebab tu saya] rasa macam. Bukan, cakap memang saya cakap betul-betul (mengangguk) sebab, saya tak rasa macam apa yang saya cakap tu memang benar saya akan jaga hati orang (menghayun tangan ke dada), tapi satu-satu benda itu- perkara tu kita *what need to be done*[apa yang perlu buat], agar benda tu akan jadi lebih bagus lagi. Kan?

**SB dan NA: em! (mengangguk)**

SM: Dia kena dalam Islam pun kita dibenarkan kalau orang, menganiaya kita tiga kali (tiga jari diangkat), kan? Selepas tiga kali tu, terserah kepada kita. Di situlah (menetak tangan ke meja), selepas ketiga kali tu kita boleh membalas tapi tidak boleh lebih daripada apa yang dia lakukan pada kita. Kan? Kalau lebih daripada apa yang dia lakukan pada kita, jatuhnya kita (tangan ke dada) yang berdosa. Kita yang bersalah. Jadi, pilihan tu adalah kat tangan kita samada kita nak balas dia, perkara yang setimpal supaya tujuannya tadi untuk mengajar dia, sebab bila dia buat lebih dari tiga kali benda yang kita apa menganiaya kita, dalam Islam menganggap dia tidak belajar apa-apa (tangan menghayun memutar). Dia tidak ada orang yang mengajar dia. Jadi sebab itulah dia, Islam membolehkan kita untuk membalas dia tapi tidak boleh lebih daripada apa

yang dia lakukan kepada dia. Kan? Dan bila saya pikir macam tu, balasannya satu ja lah (menggaru kepala). Untuk saya *ban*[boikot] diorang terus (menghayun menyapu di udara). Kan? Tak payah (menggeleng kepala)! Bukan, tak payah, Tak, tak payah engkau *interview*[temubual] aku dah. Kau tak rugi pun, ramai lagi artis lain (menghayun tangan ke kanan) kau nak buat. Kan? Dengan aku(menghayun tangan ke diri sendiri), kau tak payah dah. *They will never get any information about me*[Mereka tidak akan boleh dapat informasi tentang saya] (Menghayun tangan dari kanan ke kiri). Dah takda dah, *I wouldn't share with them*[saya tidak mahu kongsi dengan mereka] (menggeleng kepala). Tentang apa pun. Kecuali setelah tu, saya dapat di *interview*[temuramah] balik, bila saya menang *award* tu. Anugerah Skrin tu. Itu pun sebab terpaksa. Dalam masa (menghayun tangan sedikit di tepi telinga), kitorang bila kita dah menang *award*[anugerah], kita pergi belakang *stage*[pentas] (tangan menghayun tangan dari depan ke depan). Diorang akan diberi kita lima minit untuk bagi keterangan apa semua. Baru diorang bukap pintu (kedua belah tangan membuka sedikit) dan semua wartawan (tangan menghayun kemari), semua wartawan dari berbagai-bagai media akan ada disitu, dengan *photographer*[fotografer] masing-masing, untuk bertanya kita soalan (kedua belah tangan menghayun dari depan ke mari). *You believe it or not?*[Awak percaya atau tidak?] (mengangguk) Saya menang anugerah tu, saya tak, tak pernah menang. *That was my first* anugerah. Dan *first*[pertama] kemunculan saya *public*[awam] (menghayun memutar tangan ke depan). *You* sebagai wartawan, kalau *you* betul-betul (mengangkat jari telunjuk menegak) *you* tau, tak kesah lah apa-apa (tangan menghayun menidak). *You*[awak] terdidik dan, dengan pengetahuan *you*[awak], dengan *you* tau kerja *you*[awak]. Mesti *you*[awak] tau kerja *you* (kepala kebelakang tangan mendepa ke depan), *that's why you*[awak, sebab itu awak] jadi wartawan, *that's why you're there. Right?*[Sebab itu awak disini, betul?] dah tentu *you prepared* dengan apa pun soalan. You perlu tau \_\_\_\_\_. *And then you*[Dan kemudian awak], bila *you*[awak] dengar, ada peluang dalam masa satu jam (tangan lurus ke kanan), dua jam lebih lagi. Tentu *you*[awak] ada kreativiti *you*[awak] sendiri nak pikir apa pun soalan aku nak tanya dengan pelakon-pelakon yang dah menang tadi, betul tak?

**SB dan NA: Betul. (mengangguk)**

SM: Saya di situ, kebanyakan semua wartawan, semua wartawan terdiam (menghayun tangan dari kiri ke kanan) baik Straight Time (tangan kanan hayun ke arah tangan kiri), *you name it*[awak namakan sahaja]. Majalah apa pun semua terdiam ja (menaghayun tangan menyapu di udara). Saya tunggu ja diorang tanya soalan (mengangguk). Kan *the only thing*[itu sahaja benda] yang diorang tanya, “apa perasaan Sherie.” \_lah kan bila menang. Dan saya bagi taulah “*honestly*[sejujurnya] saya tak dan tak *expect*[jangka] benda ni dan saya tak, tak nak (kepala menggeleng sedikit) pun mungkin sebab stage saya ni kot. Saya dah tak mengharap apa award ni, kan? Tapi bila ada, *it's a bonus*[itu adalah bayaran tambahan] lah (mengangguk) Alhamdulillah. So[jadi], itu jalah, *I'm not too excited*[saya tidak terlalu teruja] lah. Tapi alhamdulillah ni satu *bonus*[bayaran tambahan] untuk mengiktirafkan kerjaya saya.” Itu jalah, saya cakap. *Okay, next question!*[Soalan seterusnya!] Pihak Anugerah Skrin tanya. “Sherie dah kawin ya. Anak berapa umur?” Okay, kau *try*[cuba] nak masuk *personnel*[peribadi] eh? “Saya ada, Alhamdulillah saya lahirkan anak saya bla bla bla (menghayun tangan kedepan sedikit) baru umur ni”. Okay, next “Sherie ada plan nak beranak lain?” Hah!

**SB: (Tersenyum dan mengangguk)**

**NA: (mengangguk)**

SM: *There you get, there you go, you*[Itu dia, awak] tanya lagi pasal *personnel*[peribadi]. Tak taulah benda tu saya pun, dengan suami saya pun saya takda (menggeleng kepala) bincang lagi pasal benda tu. So, *I cannot share with you guys, I'm sorry. So, any other question?*[Jadi saya tidak boleh kongsi dengan kamu semua. Saya minta maaf. Jadi, ada soalan lain lagi?] Tak ada (menggeleng kepala). *You*[awak] percaya tak diorang takda soalan (mengangguk) bagi untuk saya?

**SB: (Mengangguk)**

**NA: Emm (Mengangguk)**

SM: Ha, *you*[awak] sendiri lah yang belajar dalam ni kan? Pengumpulan maklumat ini kan? (mengaju tangan ke depan) Macam mana untuk seorang wartawan *you*[awak] ingat dapat *gain*[tambah] maklumat macam mana kalau *you*[awak] takda soalan (badan kebelakang sedikit) dengan orang? Betul tak?

**NA: betul betul. (mengangguk)**

**SB: (mengangguk)**

SM: Ha, semua diam masing-masing buat macam ni. Tunjuk foto lah (berlakon seperti menunjukkan foto kepada orang sebelah). Saya pandang je diorang semua. Okay (mengangguk), itu saja ya? Okay. Terima kasih, semua sebab datang malam ni. Dan terima kasih lah untuk soalan-soalan tadi. Saya bangun, saya blah terus. Ha, memang (tangan kiri menghayun ke kiri), *you* fikir sendirilah macam mana keadaan tu, kan? Apa yang berlaku situ, apa yang *you*, buatlah kesimpulan sendiri. Macam mana dan apa yang tak sepatutnya berlaku, apa yang sepatutnya berlaku. Terpulang kepada *you all*[kamu semua] sendiri. Itu membuatkan saya (tangan kiri diletak ke atas bahu kiri) sedih tau. Lagilah saya bertambah rasa macam tak penting diorang ni (menggeleng kepala). Tak penting langsung. *There's nothing much to do*[Tiada apa sangat untuk buat], (menghayun tangan ke kiri) kan? *There's no question at all.*[Tiada soalan langsung] *You*[awak] nak *ask me*[tanya saya], benda sepatutnya banyak. Kalau saya lah. (sendawa) *Excuse me*[Maafkan saya]. Kalau saya lah jadi wartawan, saya nak tau apa yang dia *performance*[persembahkan] (menghayun tangan ke kanan) dalam cerita tu, yang saya rasa paling membantu sekali yang menguatkan lagi watak tu.

**SB: (mengangguk dan menulis)**

SM: Ketika saya *perform*[melakukan] tu kan?

**NA: Emm!**

SM: Apa agaknya *performance*[persembahan] saya, *scene*[babak] yang mana agaknya. *You* sebagai pelakon yang membuatkan *you* sampai menang anugerah ni. Yalah! *There's a lot of questions!*[Ada banyak soalan!] Kan? Betul tak?

**SB: (mengangguk) emm! Betul.**

SM: Banyak soalan yang *you*[awak] dapat tau kalau betul-betul faham dengan kerja *you*[awak]. Inilah (tangan menulis di atas kiri) aku nak sampaikan mesej untuk orang tengok apa benda aku tanya ni. Nah! (tangan memberi sesuatu kepada orang didepan) Ambik semua baca, Betul tak?

**SB dan NA: (mengangguk)**

SM: Tapi dia takda (menggeleng kepala) pikir macam tu pun. *What can I do?*[apa yang saya boleh buat?] Sebab tu saya kata sangat penting sebenarnya penerangan ini adalah tulang belakang (menepuk tangan sedikit di atas meja). *Industry*[Industri] kita tak naik saya bukan salah *their*[mereka] orang-orang (mengaju tangan ke seseorang) dalam *industry*[industri] sendiri, tapi media tu tak berbuat apa-apa. Takda nak not, bukannya kerja kau untuk *interview*[temubual] pelakon saja, artis saja yang ada nama, tak! (menggeleng kepala) Ada lagi bidang lain. (tangan mencapai ke arah kiri) *Makeup*[dandan] artis, macam mana dia boleh buat tu (tangan memutar kedepan), korang tak nak tau ka? Korang tak nak tau ka macam mana *director*[pengarah] aku *direct*[arah] apa punya sumbangan, apa dia punya *preparation*[persiapan], *script writer*[Penulis skrip] kat saya. Tak nak! (menggeleng kepala) *You all*[kamu semua] pernah baca tak cerita tentang *director*, [pengarah,] (tangan mengangkat tinggi) cerita pasal *cameraman*[Jurukamera] kitorang ka, cerita pasal *lighting*[pencahayaannya] (Mengangkat tangan di udara) macam mana *lighting*[pencahayaannya] apa semua. Takda.

**SB: Tak, jarang nak jumpa. Susah nak jumpa cerita pasal tu.**

**NA: Emm (mengangguk) jarang nak jumpa.**

SM: Kan? Susah nak jumpa, kan? *Unless you*[kecuali awak] betul-betul nak cari. Kan? *You*[awak] betul-betul nak cari, okay ada tak pasal cerita pasal ni (menulis kosong di atas meja) dalam Malaysia. Adalah, mungkin satu, dua adalah kot, kan?

**SB dan NA: Emm. (mengangguk)**

SM: *See!*[tengok!] Macam mana *information*[informasi] tu untuk sampai kepada masyarakat? (tangan mendepa ke depan) Satu benda perkara informasi yang sangat-sangat bagus tentang sesuatu bidang (tangan mendepa luas). Baik di bidang *lawyer*[peguam] ka (tangan hayun ke kiri), bidang apa ka (tangan hayun ke kanan), bidang doktor ka, *You*[awak] tak nak *interview*[temubual] ka? *Itu* kerja *you*[awak] kot sebagai wartawan. *That's a lot of thing*[Ada banyak benda]. Banyak benda-benda bermanfaat yang *you*[awak] boleh buat, yang *you*[awak] boleh keluarkan (tangan mendepa luas ke depan), yang *you*[awak] boleh sebarkan kepada semua orang-

(Gangguan bunyi plastik)

SM: Betul tak?

**NA: Betul. (mengangguk)**

**SB: (mengangguk)**

SM: *How sad it is*[Bertapa sedihnya]. Memang betul-betul sedih saya. *So that's why*[jadi sebab itu] saya lebih selesa, okay saya buat dengan hal saya, dan saya pergi kerja, saya ikhlas dengan kerja saya. Saya buat benar-benar, betul-betul bagi itu 200% apa-

(Gangguan)

SM: Aa! Komitmen saya kan? Dengan dengan pihak produksi, dan saya takda (tangan menghayun menidak) buat hal dengan orang lain, saya takda tak nak saja nak menyakitkan orang lain, Insya Allah takda *but at the same time* [tapi dalam masa yang sama], memang saya tak banyak bercakap (menggeleng kepala), memang saya tak boleh bercakap (menggeleng kepala) di set atas sebab-sebab tu tadilah, sebab dengan taunya saya dengan perangai diorang (menghayun tangan menunjuk kepada seseorang) sorang-sorang apa semua. Kebanyakannya bukan setakat berlakon saja kerjaya dia. Tapi lebih daripada berlakon dalam kehidupan diorang. *So* [jadi], saya tak nak *involve* [terlibat] dalam benda-benda tu (tangan memutar setempat). Jadi, lebih baik saya diam. Takda benda baik saya cakap, saya diam ja, kan? Kalau ada benda saya nak cakap, bila perlu saya bercakap, baru saya cakap dengan diorang. Tapi kalau diorang tanya, tetaplah (mengangguk) saya jawab. Tak, saya tetap senyum tak, takda yang (menggeleng kepala), macam saya diam ja, takda dah. Tapi dengan orang-orang macam biasa (mengangguk). Saya kurang bercakap (menggeleng kepala). Itu ja.

**SB: Okay, lagi. Setelah apa Sherie ceritakan kenangan pahit apa yang dah alami selama ni, boleh ceritakan sedikit kenangan-kenangan manis yang dah Sherie lalui sepanjang-sampailah harini. Mungkin sekarang pun ada lagi kenangan tu masih lagi berlaku.**

SM: (berfikir) Dalam kerjaya saya, kenangan manis saya adalah (tergelak) manis jugaklah (tersenyum gembira). Tapi dia lebih kepada kenangan yang berharga.

**SB: (mengangguk)**

SM: Pada saya, ialah takda lain melainkan dapat berlakon. Dapat sekali ini betul-betul, dengan emm dengan ikon-ikon yang dalam bidang industri nilah (menunjuk kedepan). Contohnya, dengan Dato' Rahim Razali, dengan Eman manan. Itu adalah antara ikon yang wow! Saya tak (menggeleng kepala) pandai nak cakap *best* [terbaik] nya berlakon dengan diorang. Sangat itu memang profesional diorang. Faizal Hussein, baru ni saya



dengan i-Tanggung dengan dia kan. Itu satu, (berfikir dan tersenyum, tangan didada) walau ada, ada pelakon baru yang betul bagus jugak, yang benar-benar- macam saya (tangan ke arah diri snediri) jugak, pergi kerja dia tahu apa boleh dia buat (mengangguk). Dia faham apa kerja dia, jadi bila dia berjumpa dengan kita pun, dia kita senang (mengangguk), kerja selesa bercakap dengan diorang. Dia selesa buat kerja dengan diorang, kan? sebab fahamnya dia tadi tentang kerjaya dia sendiri. Jadi kita tau apa benda *boarder*[halangan] dengan macam mana, apa yang saya nak cakap dengan dia, perkara-perkara bermanfaat untuk kami *share*[kongsi]. Macam saya (tangan mencabut penutup muka) dengan Dato' Rahim Razali, He is such (tangan menongkat di dagu) *personally such a gentlemen*[personaliti lemah lembut] dengan kita susah nak jumpa pada laki sekarang ni. Akhlak ni kan (tangan didada), Akhlak ni satu perkara dan setiap manusia ni (tangan ke arah seseorang) yang tidak dapat kita buat-buat. Tau tak?

**SB dan NA: (mengangguk)**

SM: Sebab akhlak ni, kata Imam Razali lah. Dia adalah dari dalam diri kita (tangan didada), tau tak? Dalam diri kita, bila dia akan keluar secara natural (tangan menghayun kedepan). Tak kesah la walau kita berlakon sekali pun, kita nak menipu orang sekali pun. Akhlak yang benar tu (tangan menghayun setempat), *definitely*[pasti] nya akan keluar (tangan menghayun dari bawah ke atas) secara *natural*[semulajadi] sebab itulah dia, kita dari kecik itu (tangan didada) tadi. Bila bercampur dengan roh kita bercampur dengan jiwa kita. So, dia (tangan mengaju ke depan) untuk pertama kali dia saya kenal, saya tak (menggeleng kepala) rasa dia memang macam saje-saje, sebab dia ada ni, ada ni, ada ni, dia berperangai macam tu, Tak! (menggeleng kepala) Saya tak rasa.

**SB: (Menulis, mengangguk)**

SM: Itu memang akhlak dia, bila dia jumpa kita "Aa Ya" *Greet*[bertegur sapa] kita bagus-bagus, bila kita tengah berdiri ka apa, dia tak (tangan menghayun menidak) kan biar perempuan berdiri, dia *insist*[mendesak] jugak, sapa kita rasa "Takpa *uncle*[pakcik]

(Tangan menunjuk ke bawah), kita duduk”(menunduk tangan di dada) “*No!*[Tidak!]” (mengangkat tangan), *That’s not the way they*[bukan cara mereka] “Saya lebih selesa awak duduk”, Okay (mengangguk) kita dengar macam tu kita pun (tangan genggam seronok) okay kita duduk (mengangguk). *And then things*[dan benda] macam takde (menggeleng kepala) benda dia nak cakap, dia tak cakap. Tapi bila kita bercakap dengan dia, *he was like*[dia seperti] (teruja) macam- Oi! seronok sangat bila dapat bercakap. Tapi bila orang tu tanya, dia okay (mengangguk) lama ja. Saya selesa dengan orang macam tu, kan? Jadi kita macam takda apa, takda (menggeleng kepala) borak pasal benda yang tak bagus, kan?

**SB: (mengangguk)**

SM: Semua benda yang *okay-okay*[baik-baik] bila cakap, kan? *So, I’m happy to grab a chance to work with them*[Saya seronok untuk ambil peluang bekerja dengan mereka]. Memang sangat-sangat best abang Faizal, abang Faizal memang terkenal dengan orang yang bila datang set (mengangguk), dia akan lepak ja dalam kereta dia (menunjuk kepada sesuatu). Kereta dia dah ubah suai, kan? (tersenyum) Tempat untuk dia tidur, sebab daripada dia menunggu dia punya *scene*[babak], daripada dia lepak dekat set, lebih baik dia tidur situ. Dan dia bagi kat orang dia punya walkie talkie memang dia beli sendiri *personally*[kegunaan sendiri], *so*[jadi] dia bagi *personally*[kegunaan sendiri] walky tu untuk Edi. Kalau apa-apa just walkie (tangan meletak di telinga) saya ja. Saya ada dalam kereta saya ja. *See, how profesional he is*[Tengok, betapa profesionalnya dia], kan? Dia takda *hurt anyone*[sakitkan sesiapa] (tangan kedepan), kita tak kan nak kecik hati, itu hak dia (tangan menunjuk ke arah seseorang) kan? Takda (tangan menidak) perlu pun nak mengata apa. Walaupun itu sebenarnya dah itu jadi kata-kata orang, dia tak nak campur dengan orang la. Lantak dia la, itu hak dia kan? Sama jugak dengan Eman Mannan, Eman Manna *he such personally*[dia keperibadiannya] dia pun orangnya sangat best la- sangat bagus, sangat-sangat, *the only thing*[benda] orang-orang yang saya cakap ni, *the only thing*[benda] yang *you*[awak] boleh bercakap tentang, tentang *best*[terbaik] nya diorang ni, tu ja. Takda (menggeleng kepala) benda lain yang saya dapat cakap dengan diorang. *How*

*professional they are, and how they don't care*[Bertapa profesionalnya mereka dan bagaimana mereka tidak kesah] benda-benda yang takda kena mengena dengan diorang, diorang taknak *They just*[mereka tidak kesah] “Oh ya. *okay*[baiklah], apa-apa macam mana *scene*[babak] tadi (menunjukkan sesuatu) macam mana?” Dia akan potong dengan cara macam tu, ya. *How*[bagaimana] betapa selesanya kita dengan orang macam tu, kan? Dan ada jugak pelakon-pelakon baru yang tak perlu, kebanyakannya pelakon, kebanyakannya *most of them*[kebanyakan mereka], bila datang set, kalau ada saya tak kesah dengan diri (tangan didada) saya tau tapi kalau ada Dato' Rahim Razali, orang yang lama dalam bidang ni, dan bidang yang kau bekerja, *you should rate him*[awak kadar dia sendiri], kan? Sebagai orang baru. *You*[awak] memang *popular* (tangan mendepa), *you*[disukai ramai, awak] memang *popular*?[disukai rama] Ya, hari-hari muka kau.

#### SB dan NA: (Gelak)

SM: Memang kaulah orang yang paling cantik sekali pun. Tak kesah dengan apa yang berlaku dengan diri kau. *But then*[tapi kemudia], bila kau masuk ke tempat kerja (menunjukkan suatu ruang), ada Dato' Rahim Razali disitu (menunjukkan sesuatu). *What would you do?*[apa awak akan buat?] Tak kan *you*[awak] nak, tapi diorang macam tengok phone. “*Oh hi everybody*[Oh hai semua]”, masuk dalam (tangan kedepan). *I was like*[Saya macam], “Uncle” (ketawa). Rahim Razali, Dato' Rahim Razali pandang saya, senyum ja. Kan? *Because*[sebab] orang macam tu kami akan tahu dia takkan lama. Takkan! (menggeleng kepala) Bukan kami *wish for it*[inginkan benda tu]. Bukan kitorang doa untuk dia, tapi itulah yang berlaku (tangan menunjukkan sesuat diudara). Yang, benda yang saya nampak selama-lama ni kan? Bila *you attitude*[sikap kamu] mana tu *you*[awak] takkan (menggeleng kepala) lama dalam bidang ni. Sebab bukan itu yang *you*[awak] nak. *You*[awak] nak glamour ja, kan? *You*[awak] nak publisiti ja. *You*[awak] nak orang kenal *you*[awak] ja, *That's why*[sebab itu] abang Faizal pernah cakap dengan saya. Saya, *I was quiet surprise*[saya agak terkejut] bila saya tak pikir pun ada sapa-sapa tau saya tau. Dan saya pun tak nak *share*[kongsi] dengan orang. Tak tahulah abang Faizal *was like*[seperti] dia-dia, saya

memang dia semua dengan orang dia memang bahasakan diri dia abang dengan adik. Sapa-sapa pun dia akan jumpa awak, dia sebut adik-adik jugak, dengan sapa-sapa pun. Dia akan “Oh, dik. Muka adik, *okay*[baik]lah dik. Selama ni adik mana ni, adik macam abang jugak”. “Ha? Apasal plak, bang” “takda lah maksud abang, kita ni diorang rasa tak *best*[terbaik] bila kita tak macam artis-artis lain.” Macam artis lain, setiap artis banyak kali *you* sendiri pun tau semua ada produk sendiri, semua ada modal nak buat video apa benda semua tu. Diorang lebih (menunjukkan isyarat tangan menerangkan sesuatu) kepada nama diorang gunakan untuk *business*[perniagaan] diorang, kan? Macam kami, bukan kami tak boleh buat. Kami tak pandai. Kami cuma, yang kami tau profesion kami, kami adalah berlakon. Kitorang cuma tau buat terbaik, terbaik, terbaik terbaik. So, kami takda masa untuk *business*[perniagaan]. Macam tulah kot. So, macam tu jugak dia. *I was quiet surprise*[saya agak terkejut] dengan tau tentang saya, kan? Dia cakap, “dik, *don't feel bad about it*.[jangan rasa bersalah tentang itu]” “abang sendiri pun, tengok abang. Ada tak tengok abang dengan produk ka apa, takda.”. Tapi *you*[awak] tengok, kenapa saya nak ceritakan awak ni tentang informasi ni(menunjukkan isyarat tangan menerangkan sesuatu), macam ni cara *you* nak sampaikan, *I*[saya] tak tau. *But*[tapi] ini sangat penting tau. Mungkin *you* akan dapat kritikan daripada wartawan jugak nanti, *I do not know*.[Saya tidak tahu] Kalau diorang jumpa la

#### **SB dan NA: (ketawa)**

SM: Tapi, benda yang benar, tolonglah tulis. Dia takkan ada rugi, insyaAllah. Itu jawapan, saya berkata benar, orang rasa sakit. Tapi kata-kata tu sebenarnya untuk kita bagi manfaat kepada dia. Untuk bagi benda yang tak baik, mungkin sekarang dia tak *realize*[sedar]. *Later on*[Nanti], dia akan terpikir jugak, insyaAllah. Allah akan bagi kat dalam hati dia tu, akan saya yakin sangat. Benda ni dah berlaku ni, saya dah banyak kali ni, dan saya yakin sangat-sangat dengan benarnya kata-kata *you*[awak] tu kan? So[jadi], macam abang Faizal, *I was* memang *surprise*[terkejut] gila tau dan saya rasa sedih kenapa wartawan, itu saya cakap tadi, banyak kerja diorang. Kenapa nak buat cerita tentang Elfira Loy masak didapur terluka tangan. (menunjuk jari)

**SB dan NA: (gelak)**

SM: \_\_\_ *that? You know I*[itu? Awak tahu] bukan *jealous*[cemburu] ka apa. Takda, takda. Banyak benda dalam informasi ni, dalam bidang, dalam satu-satu bidang tu *you*[awak] boleh keluarkan, boleh *share*[kongsi] dengan orang ramai. Menjadi manfaat yang sangat bagus untuk dibaca. Dan untuk dijadikan info korang sendiri. Contohnya abang Faizal Hussein, *you* tau tak dia pernah berlakon filem Hollywood?

**SB dan NA: Tak tau. (Tertawa dan menggeleng kepala)**

SM: Tak tau, kan? Dia ada berlakon satu siri ni, apa nama dia saya tak ingat. '*Strike Back*' or something like that[atau benda seperti begitu], siri dia pulak dia citer kat saya tau. Baru-baru ni la, saya dapat i-Tanggung kan? Dia jadi suami saya, *ex-husband*[bekas suami] saya. Saya cakap, "abang, dik (mengangguk). abang ni jenis sekarang" "Itulah abang busy kan? Dengan abang, abang tak macam yalah kita takdalah *popular*[digemari ramai] macam artis-artis lain, kan?" dia kata. " Tapi abang selesa, yang penting mak bapak abang pun dalam bidang ni jugak" dia cakap, kan? *So*[jadi], abang nak bagi tau anak-anak abang "macam nilah kalau kita menghormati kerjaya kita. Itu insyaAllah kerjaya itu sendiri akan bercakap untuk kita."

**SB: (mengangguk)**

SM: Kerjaya kita itu sendiri kan? "InsyaAllah" dia kata. Allah akan bagi jalan. Macam dia, saya dengar dia cerita (tertawa) itu dari HBO tau. HBO yang call dia. So, dia kata "Abang ni, MashaAllah! Abang memang tak percaya, dik. Itulah cerita yang abang paling bujang abang tengok" "Hah? Cerita paling bujang? Cerita apa, bang?" Itulah '*Strike Back*' tu! Dia adalah *series*[siri] tau! *Series* yang banyak musim, kan? *Season one, season two*[musim pertama, musim kedua]. *So*[jadi], dia berlakon tiga episod tak silap saya. Tiga episod dalam cerita tu, "Adik tengokla kalau adik ada masa dalam *Youtube*" kan? "Abang dalam episod ni ni" *So*[jadi], dia ceritala dalam pengalaman

dia “Abang berlakon, dik oi hai. Diorang ni macam mana tau? Sistem dia, kalah citer kita, malu kita kalau kita citer Malaysia punya *system shooting*[sistem penggambaran]. Diorang punya sistem, abang ni watak yang ke- (berfikir)” diorang ada *number*[nombor] tau “Bila watak-watak ni semua, abang watak yang ke lapan belas, Okay? Dia tak panggil kita dengan nama. Walaupun *lead*[watak pimpinan] dia, walaupun *hero heroin*[wira wirawati] dia.” Diorang akan bagi *number*[nombor]. Dia macam watak nombor satu, nombor satu tu *means*[maksudnya] adalah *lead*[watak pimpinan] ceritalah. Dia akan *lead*[watak pimpinan] untuk cerita tu. Nombor dua, *you*[awak] akan jadi *second lead*[watak pimpinan kedua], nombor tiga dan seterusnya lah macam tu. Dan bila *main supporting*[watak sokongan utama], abang faizal ni *main supporting*[watak sokongan utama] lah dalam ke lapan belas. (sendawa) *Excuse me*[Maafkan saya]. \_\_\_\_ . *So*[jadi], dalam sistem dia, dia letak kita, dia tahu kita duduk di KL. Dia letak kita di hotel, satu hotel ni. Katakan *call time you*[panggilan masa awak] dalam enam pagi, kan? *Call time you* enam pagi dan *you* tengok kat situ, *heroin*[wirawati] punya *call time* pun, *heroin*[wirawati] dia pun apa, sapalah dia, ada pelakon dia, *hero! sorry hero*[wira! Maaf wira] dia berlakon ‘*Star Track*’ punya pelakon memang *this guy*[lelaki ini] adalah lupa, saya lupa saya nama dia. *And then, this guy*,[dan kemudian lelaki ni] “abang nak sangat bercakap dengan dia dik!” Yalah, kita dah tengok filem Hollywood, kan? Dia belakon. “Abang nak sangat tapi tak dapat. Abang tengok *call time*[panggilan masa] abang pukul enam sepuluh. Oh! *call time*[panggilan masa] abang pukul enam, *so*[jadi] enam sepuluh. Kalau kita kat Malaysia ni enam sepuluh, enam setengah itu semua dalam satu *trip*[perjalanan] lah” kan? Dapat jumpa dia. Tidak, dik. Abang *call time*[panggilan masa] pukul enam, satu Limou datang ambik abang pukul enam tepat kat bawah Hotel tu.” Rupanya dia enam sepuluh, ada satu lagi Limou, Limousine datang ambik dia.”

**SB: Wow! (gelak)**

**NA: (gelak)**

SM: Ha! Macam tu tau! “Oh yaka?!” “Yalah, adik!” Bayangkanlah, Ya Allah, adik! Uish sistem dia gila. Lepas tu datang *shooting*[penggambaran], bila pukul lapan tu *camera*[kamera], pukul tujuh empat puluh lima kita dah ada dekat set dah dan dah *ready*[sedia], dah *ready*[sedia] apa semua. *And then*[dan kemudia] “macam mana, bang? Ada *breafing*[taklimat] apa ka semua macam kita jugak ka apa semua?” *Breafing*[taklimat] ni dia buat malam tadi. Dekat set, kita dah *ready* ingat dah apa semua apa yang dia cakap pagi tadi dekat set ni pukul lapan *roll*[mula], pukul tujuh empat puluh lima tu kita dah *standby*[bersedia] kat situ kita dah *ready* apa semua ni dah *ready*[sedia]. Tinggal *director*[pengarah] cakap “*action!* [Tindakan]” ja. Dah takda komunikasi kat situ “Ha macam tu dik! Memang profesionalnya diorang” dan bila diorang bekerja, satu hari tu dua *scene*[babak] sahaja. Sebab nak buat satu *scene*[babak] tu, punyalah sangat detail. Sebab itulah qualiti cerita diorang sangat gempak gila! Betul tak? Berbeza dengan kita, saya tak malu cakap. Memang benar, saya *wish*[harap] la benda ni akan berlaku. Akan ada satu perubahan yang besar kalau kita nak sebenarnya industri ni benar-benar boleh membantu negara melalui *income* ni kan? Memang sangat membantu sebenarnya. Tapi *I do not understand why somehow why*[Saya tak faham kenapa] kita macam takda *involve*[terlibat] sekali, *involve*[terlibat] lebih dalam industri ni kan

(Gangguan bunyi batuk)

SM: *But then*[tapi kemudian], Abang Faizal pun cakaplah macam ni macam tu, “memang sangat dasyat la, dik. Kalau kita nak *compare*[banding] lah” “Tak payah la. Betulah adik cakap-” sebab itu saya pernah cakap dengan dia. Bagus lah dia macam ni, *humble*[rendah diri]. “Bang, bukan itu yang saya nak orang cakap tau. Saya sebenarnya *humble*[rendah diri] apa semua tu adalah diri saya sendiri. Saya cuma nak- bukan nak tak nak orang bercakap, saya nak orang buat” kan? Maksudnya kenapa saya *humble*[rendah diri], pikir sendiri la, apa benda yang kau nak sombong? Takda benda yang nak disombongkan, betul tak?

**SB dan NA: (mengangguk) betul.**

SM: Tahap mana kau nak sombong tu? Sebabkan kita nak, orang mana-mana ja boleh jadi terkenal kot, kan? Dalam bidang dia sendiri la kan? Tapi cumanya tadi kita ni *is*[adalah] *actually*[sebenarnya] akhlak kita menentukan kita ni (menunjukkan isyarat tangan menerangkan sesuatu) siapa kita. Itu sebenarnya pada saya, dalam bidang apa pun *you*[awak] buat, kan? Dalam kerja apa sekali pun. Dan bila abang Faizal ni citer pasal bestnya dia apa semua, dan dia dibayar, tak payah citer la bayaran kita di Malaysia ni.

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: Untuk tiga episod tu, dia dapat 19 juta! *Can you imagine?!*[awak boleh bayangkan tak?]

**SB dan NA: (Terkedu lalu gelak)**

SM: *I*[saya] dengar ja pun dah jatuh dagu. Patutla dia datang set, saya cakap saya datang set untuk kitorang punya *character briefing*[taklimat watak], saya cakap “eh, kereta ni—” Merchandise apa saya tak tahu tapi memang comfortable punya, yang sangat-sangat apa- \_ semua kan? Memang gempak gila, warna merah tau dalam semua warna putih. Saya cakap “Wow aku tak pernah tengok keta ni kat Malaysia!” kan? “Sapa punya ni? Sapa? tak kan *director*[pengarah] kot yang pakai kan?” Itu yang saya *imagine*[banyang]. Rupanya abang Faizal. Dia sekarang dia *relax*[santai] ja. *Shooting*[penggambaran] tak *shooting*[penggambaran] dia tak kesah. 19 juta tu dia dah boleh hidup sampai mati, kan?

**SB dan NA: (gelak)**

SM: “Ha, alhamdulillah abang hantar anak abang pergi kolej, anak perempuan abang tu, abang cakap tak payah. Abang tau dia minat kita tak boleh nak buat apa. Anak kita tetap akan minat jugak dalam bidang ni.” kan? bidang *acting*[berlakon] ni. “Tapi abang cakap, okay la kalau kau nak sangat berlakon, belajar dulu. Habiskan kau punya



pelajaran dulu. Baru dia akan fikirkan samada dia *still*[masih] ka tak nak jadi pelakon” kan? Sama rupanya, dia sama dengan saya, saya anak saya nombor dua tu punyalah susah. Saya dahla tak jumpa diorang tujuh belas tahun, *and then*[kemudian] tiba-tiba jumpa diorang. Nombor dua tu pulak berlakon. Aduh! Saya tak nak dia masuk bidang ni.

### **SB dan NA: (gelak)**

SM: Saya tak nak anak-anak, ya! Saya tak nak anak-anak saya dalam bidang apa yang saya lalui. Saya cakap dengan dia, “tak payah la kot, tak payah la, nak. Tak payah la jadi pelakon” “Kenapa, bu? Kenapa, bu?” “(mengeluh) susah la nak cakap” Okay bila dia nak sangat nak tau. “Ibu. Kenapa, bu Kenapa ibu tak izinkan \_ jadi pelakon? \_ minat” apa semua tu. Satu, nampak tak ibu ni macam mana? Nampak *steady*[stabil] tak ibu? Ibu tak *steady*[stabil] tau. Ibu bukannya *every month*[setiap bulan] kita ada gaji bulanan, kan? Kita takda gaji tetap, kita takda EPF, kita takda SOCSO. *You*[awak] ingat SENIMAN tu buat ka? Takda. SENIMAN tu takda apa-apa gunanya. Betul saya cakap. Saya pernah bergaduh dengan Zed Zaidi tu. Kenapa saya marah adalah, SENIMAN ni adalah satu nama besarnya. SENIMAN, *you*[awak] seorang sahaja. *You*[awak] yang unggul. *You*[awak] sahaja lah untuk dibawa, artis-artis semua bernaung dibawah SENIMAN. Betul tak? Semua artis di Malaysia ni, bernaung di bawah SENIMAN ni. *You*[awak] tak nak buat ka bila SENIMAN ni *you* tau semua artis berkumpul di situ, *you*[awak] buatlah betul-betul, kan? Apa benda-benda yang sepatutnya kami semua dapat (menunjukkan isyarat tangan menerangkan sesuatu). Buatlah EPF, SOCSO untuk kami jugak. *You know*[awak tahu], buatlah benda-benda yang bermanfaat sikit untuk kami. Dan bagilah informasi yang sangat-sangat bagus diluar sana tentang kami. Nak-nak orang yang, sebenarnya banyak benda sampai kita nak buat *business*[perniagaan] pun kita sebenarnya boleh. Macam contohnya, *you*[awak] buatlah macam *merchandise*[dagangan], sapa yang datang SENIMAN, buat lah satu studio backlots. Backlots macam mana, *Universal Studio* ada, okay. Sapa yang *shooting*[penggambaran] disitu macam citer yang tergepuk yang apa benda yang terkenal macam Maria Mariana ka apa benda ka, *we just put it that, shooting*[Kita letak

disitu, penggambaran] kat situ jadi sapa-sapa yang datang dari Malaysia, pelancong boleh datang untuk melawat disitu. Jadikan set tu satu tempat pelancongan, betul tak? *You*[awak] boleh buat duit dekat situ, *merchandise* apa benda ka cawan ka, *cap*[topi] ka *whatever there is*[apa-apa disitu] untuk tujuan promosi ka untuk saja-saja orang nak beli pelancong nak beli ka. Boleh ja tapi kenapa *you*[awak] sebagai *chairman*[pengerusi], pengerusi SENIMAN, *the only thing you could think of is that*[itu sahaja benda yang kamu boleh fikir], macam mana IG, ada satu IG ni saya comment sebab saya sakit hati sebenarnya dengan kenyataan si Zed Zaidi tu. Dia apa, bagitau kat situlah. Saya terbaca ja kan. *Swipe, swipe, swipe*[sapu, sapu, sapu]. Eh, SENIMAN ada buat program, program apa? Okay, program ni adalah untuk bagi peluang kepada artis-artis veteran, okay. Untuk diorang, untuk kumpul dana SENIMAN dengan cara apa? Dengan cara buat '*Family match*' dan hari sukan bersama artis veteran dan juga kelab CIMB *or something like that*. [atau benda seperti itu.]

**SB dan NA: (mengangguk)**

SM: Okay, acara sukan. Sukan ni apa? Bola jaring dan tarik tali. Artis veteran, orang tua-tua ni dah sempit-sempit dah, kan?

**SB dan NA: (gelak)**

SM: Kau buat benda tu, kenapa susah payah sangat nak pikir benda tu? *You*[awak] buat tarik-tarik tali tak, tak sampai satu inchi diorang dah sempit, betul tak?

**NA: (mengangguk)**

SM: Semata-mata untuk kumpul dana SENIMAN. *What are you thinking?*[apa yang awak fikir?] Apa yang kau pikir sebenarnya? Tapi gah nak duduk sebagai presiden. *You know, I do not like it*[saya tidak suka itu.]. Memang saya tak suka, saya cakap dia kat situ. Saya cakap "Saudara Zed Zaidi, saya rasa awak dah selesa sangat duduk atas

kerusi presiden” tu kan? “sampai berfikir sampai ni sekali. Cuba saya rasa perkara yang, awak sepatut buat perkara paling mudah sekali sebagai seorang presiden. *First*[pertama], kalau sayalah.” duduk tempat dialah kan? Okay kalau aku jadi presiden apa yang aku nak *first thing first*[mula-mula] aku nak buat. *Okay first thing first*[baiklah, mula-mula], aku tak boleh pikir apa-apa program jugak. Aku pikir aku nak tau, masuk dalam tu aku nak cari sapa ahli kita yang paling lama skali yang *register*[daftar] dibawah SENIMAN dan masih hidup lagi. Sebab apa aku nak jumpa dia? Aku nak tau, selama-lama dia jadi ahli tu, apakah manfaat yang pernah dia dapat, kan? *Join*[sertai] sebagai ahli. Itu jalah yang paling *I*[saya] nak taulah, kan? Itu awak, saya rasa awak pernah buat tak dulu benda tu? Saya rasa tak pernah kot. Kenapa awak bersusah payah untuk berfikir benda-benda yang lain? *That’s why you*[sebab itu awak] tak boleh pikir tentang, *you*[awak] tak boleh nak, dia ikut cara otak kita berfikir, kalau kita *first you*[mula-mula awak] dah fikir benda tu, dia akan datang sendiri soalan-soalan yang seterusnya, kan? Apa manfaat yang dia dapat (menunjukkan isyarat tangan menerangkan sesuatu)? Bila *you*[awak] dah dapat tau, *okay*[baiklah]. Kalau tak dapat manfaat apa-apa, aku upgrade kan lagi kita punya sistem apa punya benda yang boleh kita bagi dekat ahli kita ni kan? Supaya diorang ni dapat manfaat. Betul-betul ada faedahnya diorang masuk dalam tu, apa kita jaga kebajikan diorang, kita bertanggungjawab untuk menjaga qualiti diorang ataupun apa bendalah, kan?

(Gangguan bunyi plastik)

SM: Benda tu akan datang bila *you*[awak] ada fikir macam tu dulu. Betul tak? Dia akan ikut, banyak lagi benda-benda *you* boleh buat. *Rather than you start- start you*[Daripada kamu mula kamu] buat sukan macam tu untuk orang tua, kan? *You*[awak] tak kesian ka? *And then*[dan kemudian] manfaat yang lain dia tak terfikir, *you know? You*[awak tahu? awak] buat saya rasa kecewa saya cakap, dia call saya *personally, okay?*[sendiri, baiklah?] Saya terkejut. Saya terkejut dia kata “Sherie” “Sapa ya?” sebab saya tak kenal kan?

NA: (mengangguk)

SM: “Ya, Sherie di sini. Sapa?”

(gangguan bunyi plastik)

SM: Saya, apa dah nama saya tak tahu, dia letak pangkat tau. \_ *general staff* apa saya tak tahu *I've been calling*[Saya kena panggil], *leftanan colonel* apa *or something*[atau seperti itu] lah *Major* ka apa benda. “...Zed Zaidi disini” “Oh Zed Zaidi”, “Tolong sebut nama saya *Major Colonel Zed Zaidi*, ya”, “Baiklah”. “*Major colonel*-”

**SB dan NA: (gelak)**

SM: \_ dia dengan *cadet* la apa benda kan? Sampai *last-last*[akhirnya] dia tak kesah lah saya panggil dia apa kan? Saya panggil dia Zed Zaidi ja lah. *Okay*[baiklah], dekat dua jam kami bercakap dalam talifon tu. dan dia kata “Saya mintak tolong sangat-sangat, awak *delete*[padam] kan balik ‘*post*’ tu”, dia kata. “Kenapa saya nak kena *delete*[padam] kan?” saya kata. “*You*[awak] tengoklah sapa penyokong-penyokong *you*, sampai Eman Mannan, Fauziah Ahmad Yusuf buat tepuk tangan apa semua cakap(angkat ibu jadi)bagus” akhirnya ada jugak orang *sound*[suarakan] dia. Saya tak terfikir pun demi Allah saya komen tu sebab *personally*[peribadi]. Sebab saya rasa macam tu ja. Itu ja, takda niat saya nak “Akan ada orang nampak saya komen orang setuju. Takda! Takda fikir pun. *Naturally*[dengan semulajadi] saya nak cakap benda tu.” kan? *So*[jadi] tak sangka pulak. Bila saya tengok balik, “Oh ha’ah la ramai jugak” tak tahu kan? Jadi dia kata “Tolonglah padamkan apa yang *you*[awak] dah cakap tu sebab ramai sangat yang sokong *you*[awak]. *You*[awak] tahu tak ini boleh membuatkan saya jatuh.” Oh, dia takut macam tu. saya tanya dia “Macam ni jalah, Zed. Saya nak tanya awak, awak betul-betul masih berminat untuk jadi presiden tu?” *and then*[dan kemudia] dia cakap “Eh! Takda sapa boleh ambik. Takda sapa boleh ambik tempat ni. Lagi pun sapa yang layak *you*[awak] rasa?” Oh saya dengar dia cakap macam tu, saya rasa saya dah taulah kan? Orang bagi *you respond*[balasan you] macam tu, dah tentu kita tau dalam otak dia. Dia macam marah tau. Dia macam “Oi! Takda sapa boleh ambik. Takda, takda.

Takda sapa boleh ambik tempat saya ni, presiden ni. Lagipun *you*[awak] tengok sapa? Sapa lagi? Sapa lagi layak selain *I*[saya]" *You*[awak] dah tak terkatalah kan? *You*[awak] macam "Oh, Okay". Okay aku dah tahu dah, kita dah tau dah macam mana pemikiran dia. *So*[jadi], *I*[saya] cakaplah "Macam nilah, Zed. Kami kat luar ni, kami ni sebagai ahli. Memang kami tak banyak, tak banyak campur. Bukan sebab kami bodoh tau." *especially*[lebih-lebih lagi] orang-orang lama. "Kami ada disitu sebenarnya, bukan tak bagi sokongan ka apa, bukan. Sekiranya, kitorang pun ada akal jugak. Kitorang bijak jugak. Sekiranya kita punya presiden ni buat kerja." Buat kerja kan? Maksudnya *you do what have to do. What they need, what- there's need to be done, then*[awak buat apa yang perlu buat. Apa mereka perlu, apa perlu buat kemudian] buat ja. Kami akan nampak nanti. Bila tengok apa yang korang buat tu betul-betul bermakna, bermanfaat untuk kami semua, *you*[awak] tak payah panggil mintak untuk *di vote*[awak]. Kami sendiri yang akan datang *vote you*[undi awak]. Kami sendiri yang akan angkat *you*[awak]. Betul tak?

#### **SB dan NA: Betul. (Mengangguk)**

SM: *So, you*[jadi awak] kena *you know, action speaks louder than word*[awak tahu perbuatan lebih baik daripada percakapan]. Tu semua orang tau, kan? *So, you proof*[jadi awak tunjuk] dulu. Dan *you*[awak] tak payah risau pasal saya punya artikel tu ka, apa benda yang saya, komen saya apa. Tak payah risau. Itu cuma *as a wake up call*[sebagai teguran]. Itu ja. Macam tu ja. Kan? *So*[jadi], benda-benda macam itulah yang membuatkan saya fikir tentang wartawan-wartawan yang macam balik-balik kisah saya tu, kan? Sangat pentingnya maklumat yang disampaikan kepada orang luar. Dia akan mendidik, mendidik masyarakat. Kita ni selain daripada kehidupan seharian kita, dah jadi terbiasa kita ni akan dijamu dengan informasi, betul tak? Tak kesahlah daripada media sosial ka daripada internet ka daripada mulut saja ka daripada bacaan ka, kan? Mungkin bahan bacaan sekarang pun begitulah, media cetaklah agak kurang sebab kita dah ada internet kan?

#### **SB dan NA: (Mengangguk)**

SM: *Still they would create*[mereka masih akan buat], dan disitulah sebenarnya apa yang orang ada kebolehan dan *you*[awak] ada keistimewaan untuk menjadi seorang yang layak untuk menulis dan menyebarkan maklumat. Betul tak? Itu kepakaran *you all*[kamu semua], kan? Kalau *you*[awak] sampaikan maklumat yang bagus, dah tu *you*[awak] tak suka ka kerjaya tu? Dah tentu Allah akan redhai kerja *you*[awak]. Kan?

**SB: (mengangguk)**

SM: Informasi *you*[awak] bagi pada orang. Tak kesah informasi apa. *As long*[asalkan] ia betul. Ini benda benar orang yang nak *share*[kongsi] dengan *you*[awak], kan? Kita tak boleh nak pikir apa trend sekarang ni. Ya, mungkin boleh. Tapi trend tu, *you*[awak] selitlah pulak benda-benda yang bermanfaat kan? Dan teruskan lah buat benda tu. Janganlah setakat nak ambik trend. Jamu benda-benda yang trending, trendy saja macam tu. Tapi informasi yang betul-betul dalam solid tu takda, kan? Takda yang boleh meninggalkan kesan dalam diri seseorang tu berubah ka untuk apa saja. Bila dinamanya ilmu, ilmu ni kita tahu ilmu ni dia harus diamalkan sebab ilmu tanpa amal, tak jadi apa pun.

**SB dan NA: Betul!**

SM: Betul kan? Dia kena ada amal jugak dekat situ. Bila *you*[awak] baca *something*[sesuatu] yang bagus. *Why not*[kenapa tidak], ni aku tak pernah buat ni. Eh betul baguslah benda ni, aku amalkan. Dah memberi satu peluang orang tu untuk memperbaiki kehidupan dia.

**SB: Betul! (mengangguk)**

SM: Tak banyak, sikit. Betul tak?

**NA: Betul! (Mengangguk)**

SM: *And again*[dan lagi], sebenarnya nak bagi ilmu tu, mungkin dia tak datang ilmu tu sebab awal-awal *you*[awak] kena ada adab dulu. Betul tak?

**SB dan NA: Betul! (Mengangguk)**

SM: Yalah, macam sebelum nabi Allah, Adam tu diajar pun, awal-awal Allah suruh Malaikat turun. Jibril turun ajar nabi Allah Adam pun, nabi Allah Adam ditanya oleh malaikat. Sebelum Aku ajar kau ni, biar Aku ajar satu benda. Apa benda datang sebelum ilmu? Dia tanya kan? Nabi Allah Adam tak tahu apa yang datang sebelum ilmu, sebelum Aku bagi kau ilmu. Apa yang datang sebelum ilmu adalah adab. Bila Allah cakap adab tu sangat penting, jadi benarlah kata orang tua. Kita ni kalau ada adab, campaklah kita kat mana pun, kita akan hidup. Betul tak?

**SB: Betul! (Mengangguk)**

SM: Orang semua akan selesa. Betapa pentingnya adab ni. Adab ni satu benda yang perkara yang harus dididik sejak awal lagi. Daripada kecik sebab boleh ja, *half way you*[separuh jalan awak] nak ni. Tapi kena ada betul-betul kesungguhan lah untuk buat benda tu, kan? Sebab adab ni dia akhlak didalam kita, yang kita perlu bina, kan? yang perlu bina dan amal kan? Apa benda tu, dia akan lebih banyak membuatkan orang selesa daripada diri kita sendiri. Jadi *you* nak tak macam tu? Tak semua orang sanggup menyelesaikan orang lain, kalau diri sendiri tak selesa. Diri kita sendiri secara *naturally*[semula jadinya], kita manusia ni memang banyak sangat hajat. Banyak sangat nafsu kita ni, banyak sangat keinginan kita ni, kan? Secara *natural*[semula jadi], benda tu bukannya satu salah, dia fitrah kan? Memang dah dari diri kita. Tapi untuk kita buat benda tu. memang dah satu susahlah kan? Jadi, terpulang pada diri orang tu sendiri. Kenapa saya kata tadi pentingnya adab, bila *you*[awak] ada adab benda lain tu semua *you*[awak] tau. Okay, adab ni macam ni kerja jadi pelakon, kerja jadi wartawan, kerja jadi doktor. Bila nak sampai, jadi doktor susah jugak, bukan senang. Bila diorang nak sampaikan kepada kita, samada *you*[awak] dah rawat, kita hantar *you*[awak] kat situ, kita percaya *hundred*

*percent*[seratus per sen 100%] dekat dia. Tapi *you*[awak] dah cuba sedaya upaya *you*[awak]. Untuk *you*[awak], tapi dia tak berjaya selamatkan orang tu. Meninggal jugak orang tu, orang yang kita sayang katakan. Dia nak sampaikan kat kita, perlu dengan adab yang bagus, betul tak?

**SB: betul (Mengangguk)**

SM: Orang tu dah meninggal dah, bapak. Bapak kita, orangnya dah meninggal ni. Macam mana nak cakap dengan, macam mana awak nak cakap dengan saya? Awak doktor ni, kan? “Macam mana bapak saya tadi?” Awak tak kesian ka tengok harapan saya nak tau bapak saya macam mana? Tak kan la *you*[awak] nak cakap “Bapak awak dah meninggal, *sorry*[maaf] dia dah sakit sangat, teruk tu” Tak kan dia nak cakap orang macam tu? Dah tentu orang tu kita tak tau apa *reaction*[reaksi] dia, respond dia. Kalau, mungkin dia tu okay, mungkin respond dia “Astaghfirullahalazim” Kira dia redha. Kalau dia tak redha? “Macam tu *you*[awak] cakap dengan bapak aku? Bapak aku mati macam tu ja? Eh! Korang pernah rasa tak?!” Dia jadi gaduh pulak, kan? Tu, pentingnya adab tu yang pertama-tama sekali kan? Apa kerja sekali pun pada sayalah. InsyaAllah kalau adanya benda tu semua kita boleh cakap dengan bagus, kan? Dengan baik sekali, kan? Itu yang kita nak pun, kan? Betul tak?

**SB dan NA: (mengangguk)**

**SB: Seterusnya tentang kerjaya, *like* mungkin dulu samada sebelum *Miss*[Cik] Sherie berlakon, terlibat dalam berlakon sampailah sekarang, mungkin Sherie ada terlibat dalam kerjaya-kerjaya lain macam perniagaan nasi lemak sebagai perniagaan sampaingan sahaja kan?**

SM: Okay, perniagaan lain tu dijadikan kerjaya, takda lagi lah. Belum ada lagi. Tapi saya plan InsyaAllah

**SB dan NA: (mengangguk dan menulis)**



SM: Sebab saya, saya pikir pasal plan ni adalah untuk kebaikkkan saya jugaklah, kan? Orang-orang yang saya akan tinggalkan macam *family*[keluarga] saya katakanlah. Kita pikir pasal, yalah kita tak tau bila-bila, sekejap lagi pun saya boleh mati kan? Kita tak tau kan? Jadi, *planning*[perancangan] saya ni adalah daripada *three years ago*[tiga tahun lepas], saya pikir saya bagi dalam sepuluh tahun ja untuk saya berlakon. Maksudnya sekarang pun dah masuk ke tahun keenam. Maksudnya, tinggal enam tahun lagi, tinggal enam tahun lagi untuk saya lepas empat tahun tu. So, tinggal enam tahun lagi untuk saya tinggalkan berlakon. Dalam masa enam tahun tu saya pikir, kalau saya nak berhenti berlakon, mestilah saya akan ada persediaan kan?

**SB: (mengangguk)**

SM: Jadi persediaan saya ialah, lepas saya bincang dengan adik beradik, bincang dengan PA saya, bincang dengan anak-anak saya, saya nak *involve*[terlibat] dalam business lah. Itu perkara baru dalam diri saya sebab saya tak ada ilmu dalam bidang tu jadi sebenar, sebab saya kenapa saya tak berani nak *explore*[ceburi] benda tu, kan? Dia perlukan ilmu dalam business kan?

(gangguan)

SM: Macam saya tak *experience*, so[lalui, jadi] saya tak tau. Dan insyaAllah dalam masa terdekat ni ka, dalam tahun depan ka insyaAllah. Saya akan keluarkan *brand*[jenama], *brand*[jenama] saya sendiri, produk. Mudah-mudahan ianya berjaya lah

**SB: insyaAllah. (Mengangguk)**

SM: Mudah-mudahan, supaya saya boleh bersedia untuk berhenti berlakon dalam masa enam tahun tu, kan? Saya buat produk, apa *what we call it?*[apa kita panggil?] Penyembur macam untuk *fabric*[kain]. Macam *Febreze* contohnya

**SB dan NA: Oh! Okay, okay, okay (Teruja dan mengangguk)**

SM: Kan, kan? Okay, dia *multi purpose*[kegunaan pelbagai] sebab kenapa saya *involve*[terlibat] benda ni, macam jugak saya dengan orang lain. Sapa tu, orang-orang nak saya buat *review*[ulas], kan? Klien klien nak saya buat *review*[ulas], banyak sangat-sangat saya dapat. Sebab artis sekarang kan ramai buat *review*[ulas], kan? *So* diorang tanya saya, “Sherie berapa bayar” “Sherie, macam mana, buatlah *review*[ulas] untuk produk kita nanti. Nanti kita bayar apa semua.” *The thing is that*[bendanya adalah itu] bukan bayaran, saya cakap dengan diorang terus terang. Saya boleh buat *review*[ulas], tapi kena saya lebih suka untuk. Sebelum saya buat *review*[ulas] tentang *you*[awak] punya produk, saya kena cuba dulu. Selepas saya cuba, katakan makanan, saya kena makan dulu, kan? Katakan untuk *facial*[muka] ka apa benda ka, saya yang kena pakai dulu. Supaya saya sendiri tahu daripada saya mendengar kata-kata klien saya, kan? “Ini boleh buat *you*[awak] punya muka...” eh betul tak tu? Kita tak tau. Saya tak nak menipu benda tu kan? Dia melibatkan orang, kepercayaan orang kepada saya tau.

**SB: Betul! (mengangguk)**

SM: *So*[jadi], saya kata, macam tu, saya dulu. *After a while*[lepas seketika], kalau *product*[produk] kecantikan saya kena pakailah. Saya perlu masa paling lama tiga bulan lah, kan? Untuk kita tengok *result*[keputusan] tu. dan boleh saya buat *review*[ulas]. *You*[awak] tak payah bagi skrip dekat *I*[saya]. Saya sendiri akan tau apa nak cakap. Sebab saya nak *experience*[alami] benda tu, kan? Macam tu cara saya. “Oh, yaka. Okay, okay okay. Tak palah, tak palah” Diorang datang, diorang tak setuju sebab itu saja. Sebab itulah saya tak pernah buat produk *review*[ulasan]. Lagi bila saya, dengan apa yang saya nak pakai ni, saya adalah pengguna tau. Saya memang pengguna setia ‘Febreze’, kan?

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: sebab bila kita *shooting*, *wardrobe*[penggambaran, pakaian] kita tak ada *provide*[sediakan] macam 'Febreze' tu, mungkin dia ada, tapi diorang tak mampu. Sebab *shooting*[penggambaran], masa *shooting*[penggambaran] tu panjang. Bila satu botol tu pakai, (membuat bunyi semburan) dalam dua hari, berapa banyak baju kan? Dah habis. So diorang tak mampu membeli lagi sebab *production*[produksi] tak *provide*[sediakan] kan bajet untuk tu. Jadi saya pun tak tanya, saya pun pikirlah. Okay macam mana diorang ni, kesian la pulak diorang takda bajet apa semua kan? So[jadi], saya guna, kawan saya ada bukak. Dulu dia bekerja dengan kakak saya, sebab dia pekerja kakak saya. Jadi dia dekat sinilah sekarang, dia pun dah berjaya jadi usahawan berjaya buat kilang yang tadi tu, macam 'Febreze' tu jugak. Dia suruh saya cuma, bila saya cuba produk dia, dia belum buat lagi la. Dia belum ada *exposure*[pendedahan] dalam, takda *promote*[mempromosi] lagi apa semua produk tu sebab dia kilang kan? You cubalah nanti, mana tau. Bila saya pakai produk tu, saya *shooting*[penggambaran] bezanya dengan 'Febreze', memang sangat-sangat waw! 'Febreze' ni bila kita pakai, memang betul dia akan hilangkan bau kan apa semua, tapi dia tidak boleh hilangkan bau peluh. Itu saya tau, sebab saya pun pakai pengguna setia. Bila saya pakai produk yang dia tadi, *You spray*[awak sembur] saja hilang sampai saya tahu mana satu baju saya dah basuh. *you*[awak] menang takda bau yang dah dipakai langsung.

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: Jadi saya terpesona dengan produk tu. saya macam wow! Ini bagus ni! *And then*[dan kemudian] lagipun produk tu belum lagi dipasarkan, kan? Dan satu lagi beralkohol punya ialah produk yang *you spray*[awak sembur] saja macam *you* merokok ka apa bau rokok, *especially*[lebih-lebih lagi] dia kata yang tu saya belum cuba lagi dekat orang yang penggemar memelihara kucing, kan? Kan kucing, kalau kita bela kucing kadang kucing tu kencing, kucing tu apa kan?

**SB: Betul!**

**SB dan NA: (mengangguk)**

SM: Bau tu akan kurang menyenangkan. Jadi, bila yang ni *spray*[sembur] ni tadi bila *you spray*[awak sembur] dekat tempat tu kencing, macam *you*[awak] tak bela kucing pun. Orang tak *notice*[nperasa], orang tak tahu pun kalau *you* tak nampak kandang kucing ka *you*[awak] tak tau pun *you*[awak] bela kucing. Macam tu bagus tak hasil dia tadi, produk ni. Jadi bila saya sebagai pengguna, saya pun nak produk macam tu. Jadi saya eh aku kena jual benda ni. Jual benda ni, *make sure*[pastikan] orang tau kat ni supaya diorang mampu, dan saya kena bagi harga yang mampu milik. Semua orang boleh pakai, semua orang mampu beli. Jangan jual yang mahal, mahal sangat, kan sampai orang tak mampu. Kita nak orang bersih, kan? Tapi jual yang mahal-mahal sangat. Orang-orang yang berkemampuan jala mampu beli. Orang yang kurang mampu ni macam mana? Jadi saya kena adakan satu *packaging*[bungkusan] yang mampu untuk semua orang beli. Dia tak, langsung macam 'Febreze' tapi dia lebih bagus daripada 'Febreze'. Itu yang saya nak buat. Itu sebagai penjuallah yang InsyaAllah lah mudah-mudahan ianya akan berjaya. Itu yang saya nak plan.

**NA: Mungkin Sherie ada sedikit sebanyak menyumbang kepada institusi yang share kan kepada kami?**

**SB: No, maksud kami macam yang Sherie dah sumbangkan**

SM: Sumbangkan apa tu? Macam mana?

**SB: Sumbangan, apa-apa sumbangan yang dah sumbangkan sebelum-sebelum ni. Mungkin Sherie ada nak ceritakan?**

SM: Okay, sumbangan? Contohnya apa-apa-

**SB: Ataupun ada buat rumah anak yatim ka**

SM: Oh! Okay, okay, okay. Okay, untuk bab yang tu, saya tak tahulah, adalah tapi tak perlu saya sebut kat mana.

**SB dan NA: Okay. (Mengangguk)**

SM: Memang ada. Itu memang, memang tak tahu. Memang saya sayang dengan yang saya dah buat ni. Takda sapa tahu pun. Tapi saya nak, sapa yang pernah saya bagitau adalah arwah abah saya. Dia pun dah arwah, nasib baik saya pernah sempat bagitau dia. Dan dia pun rasa lega, dia rasa, nampak lah muka dia seronok tu, kan? Alhamdulillah saya sempat bercerita dengan dia dalam masa empat puluh hari dia nak meninggal tu, kan? Kita tak tahu dia nak meninggal, tapi saya tergerak untuk bagitau benda yang saya nak buat apa semua. Dan dia nampak sangat hati dia memang dia sangat-sangat *happy*[gembira] dengan apa yang saya buat, saya lega. Itulah tapi sumbangan dari segi ilmu saya, dalam bidang ni. Itu pun ada jugak. Saya rasa lega, dan saya lebih kepada *happy* lah. Saya tak tahulah, saya rasa seronok sangat bila saya dapat *involve*[terlibat] dengan pelajar-pelajar kolej *especially, student-student*[lebih-lebih lagi, pelajar-pelajar] yang dalam bidang saya jugaklah.

**SB dan NA: (menulis)**

SM: Mungkin cara saya, memang diorang sendiri pun mengaku memang cara saya lainlah. Yang diorang tak jangka tau.

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: Tapi memang saya saja buat macam tu sebab *you as a student, you*[awak sebagai pelajar, awak] sepatutnya dapat, masa nilah sangat-sangat *crucial you*[penting awak] dapat ilmu-ilmu yang penting. Ilmu yang penting.

(gangguan)

SM: Kalau yang paling bagus sekali, dapat ilmu untuk *you*[awak] hidup selepas *grad you*[graduasi awak] nanti, kan? Itu adalah sangat penting. Sebab *you all practical you all*[awak semua latihan industri awak semua] belum tentu lagi dapat *cover*[liputi] apa yang sebenarnya berlaku dalam bidang *you*[awak], kan? Jadi, saya pikirlah bila diorang panggil saya untuk buat short filem, UiTM sinilah Shah Alam. *So*[jadi], saya dengar dulu cerita dia, dia *offer*[tawar] semua. Okay, *so*[jadi] dia katalah bila masuk bab bajet kan? “Kita ada sekian, sekian. Adalah untuk artis kita, kitorang nak Sherie jugak bawak watak ni sebab kami nak sangat” Oh, okay, berapa bajet *you guys*[kamu semua]? “Kami takda banyak, kami ada seribu ja” Oh, ada seribu ja. *Well*[jadi] saya, tak dia kata dia ada lapan ratus saja. Tapi saya *insist*[mendesak] saya nak seribu setengah. Tahu tak? Saya pergi kata, “Oh tu dia dengan bajet saya, oh yaka? Tak tahulah saya bab tu ” Tapi memang saya nak seribu setengah, kalau tak saya takkan *involve*[terlibat]. Saya cakap macam tu. Kalau betul, saya nak tengok kesungguhan diorang, kan? *So*, betul, betul dia boleh buat. “Oh, bolehlah. Sebab kami perlu cepat ni. Dan Boleh tak kita *shooting*[penggambaran] dalam masa dua tiga hari ni?” Boleh, boleh saya cakap. Pakaian saya, saya tak bawak ya. Sebab saya memang biasa macam tu. Apa-apa hal semua *you all*[awak semua] yang sedia. “Oh, yaka. Macam mana ya?” tak tanya macam mana sayalah, awak yang lebih tahu watak saya macam mana. *So, you all*[jadi kamu semua] sedia ja apa-apa. “Tapi *make up*[dandan] boleh tak *make up*[dandan] sendiri?” Saya tak pandai *make up*[dandan]. Ya! Memang betul saya tak pandai *make up*[dandan]. *Make up*[dandan] saya macam ni, macam nilah kan? Dan dia nampak ni, sebab saya tahu saya keluar kena jugak kan? Tapi *backup*[sandaran] untuk *effect*[kesan] apa semua tu saya tak pandai, kan? Saya cakap, saya tak tahu, itu terpulang kepada *you guys*[kamu semua] lah. “Oh. Baik, baik, baik. Cik Sherie” itu pun memang saya suruh panggil saya cik Sherie ja, kan? Tu dia kata, “Okaylah, masuk shooting”, masuk shooting, saya nampak saya noticed kerja-kerja diorang tu, Yalah diorang *first time*[pertama kali] kan? Betul betul nak *start*[mula] belajar *production*[produksi] ni diorang kata diorang nak belajar macam mana *start production*[mula produksi] kat luar nanti. *So*[jadi], dia kata ambik dia ambik *shooting*[penggambaran] dua hari, so dia ambik rumah sewa dekat kuala selangor tu rumah mak cik tu, satu hari. *So, the next day*[jadi, keesokan harinya] tu dia ada masalah

dengan rumah tu. *Which is*[dimana] diorang tak leh *shoot*[mengambar] lagi dah kat rumah tu sebab mak cik tu tak nak. Mak cik tu kata apa benda la *something*[sesuatu] dengan tak tahan la kena *shooting*[penggambaran] lebih daripada pukul sepuluh malam. Dia penat apa semua kan? *So*[jadi], dia tak boleh tunggu *so*[jadi] dia *disagree*[tidak setuju]. Tapi yang bagusnyanya, kenapa saya nak tolong budak-budak ni yang bagusnyanya diorang ni tau-

(Gangguan bunyi batuk)

SM: tak bagi tahu apa masalah dia. Betul tak? Saya dapat tahu pun daripada mak cik tu sendiri. Mak cik tu nak borak dengan saya. Dia borak la apa benda semua ----- “Tak nak lah acik” “Acik penatlah” apa semua. Lepas tu saya cakap kat mak cik tu “Mak cik buat dek ja la dengan dia tanpa diorang tu taulah” “Mak cik, bolehlah mak cik-

(gangguan bunyi batuk)

SM: “-untuk satu hari ja lagi. Saya bukan selalu datang sini. Okay, takpa. Saya buat gini la ja, mak cik. Besok, kalau lebih daripada pukul sepuluh, saya temankan mak cik. Kita borak dua orang”

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: --- apa semua. “Eh kamu ni!” dia seronok la kan? Saya cakap “Betul, cik. Kita lepak-lepak. Walaupun *shooting*[penggambaran] dah habis, saya lepak dengan mak cik sampai dua belas malam, nak?” “Eh betul ka kamu ni?” “Ya, mak cik. Saya tak tipu. Saya tunaikan apa yang saya janji.”

(Gangguan bunyi batuk)

SM: “Okay, okaylah” ---

(Gangguan bunyi batuk)

SM: *So*, okaylah kita *shooting*[penggambaran], kan? Selepas dua hari tu, masuk, selepas dua hari tu, malam tu kita --- lah, kan? Malam tu ---, saya ajak. Saya nak makan, saya lapar. Jom kita semua makan. Saya nampak muka diorang “Ah? makan? Aa okay, cik Sherie nak makan kat mana?” makanlah kat mana-mana, cari restoran yang paling best kat sini. Saya cakap, muka diorang pun dah berubah.

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: --- restoran paling *best*[terbaik] dekat situ apalah sangat, kan? Dekat Kuala Selangor, kan? Ada restoran ni. Dia pun cakaplah, “nak makan apa?” saya nak *order* makanan yang paling sedap dan paling mahal sekali kat sini. Saya cakap. Saya tengok, takda dekat sini. Saya tanya orang ambik *order*[pesanan] tu “So, apa makanan paling sedap sini yang *you all*[kamu semua] boleh yang *signature*[khusus] apalah” “Okay, kita ada ni, tapi kita tak letak situ” kentang telur masin *something like that*[sesuatu seperti itu] lah, macam tulah *with*[dengan] nasi goreng, kan? Saya cakap, Oh, ni okay ni sedap ni. Bolehlah, saya nak. *You all*[kamu semua] nak? “Ah, takpa-takpa kitorang tak nak” Diorang pun makan, sikit-sikit la kan? Saya dengar diorang cakap. “Kau *share*[kongsi] dengan aku jalah” Diorang *sharing-sharing*. Ya saya tahu diorang betul takda duit. Sebelum, diorang pergi buat *order*[pesanan], dah *order*[pesanan] semua kan? *Okay*[baiklah], saya nak buat pengumuman sikit tau. “*Okay, okay*[Baiklah, baiklah] cik Sherie” Semua orang nak dengar. “*Okay, first of all*[baiklah, pertama sekali]. Saya nak ucapkan tahniahlah pada *director*[pengarah], dan juga PM, kenapa? Sebab *you all did a good job*[kamu semua sudah lakukan kerja yang bagus]. Sebenarnya kalau *you all*[kamu semua] kat luar sana, *the real actual*[sebetulnya] punya *production*[produksi]. *Pre-production*[pra-produksi] ka, *post-production*[pasca produksi] ka, dia bukan semudah *you*[awak] sangka. Dia bukan macam, okay ni macam *you* buat semua ni, tidak. Dia *start*[mula] dengan *something*[sesuatu] yang dah pecah kepala *you*[awak], sebab apa? Di Malaysia ni, kita tidak ada *producer*[pengeluar] yang cukup duit. Sebenarnya, bila kita, *when we talking about*



*film maker*[bila kita bercakap tentang pembuat filem], kalau diluar sana di Hollywood, *you* sebut ja *film maker*[pembuat filem], orang pandang *you*[awak]. Orang tak pandang duit dah tau? Sebab orang tahu *you are film maker*[kamu adalah pembuat filem] tidak ada masalah duit. Duit tu adalah ketepi. Kewangan tu tidak ada masalah. Yang masalahnya macam mana kita nak merialisasikan sebuah naskah tu. Itu ja yang jadi masalah dia. Duit tu, --- *is the limit*[itu adalah terhad]" macam tulah, kan? Takda masalah Tapi di Malaysia ni, *you* bila *you*[awak] sebut *pre-production*, *you*[pra-produksi, awak] kena pikir perlu, *producer you*[pengeluar awak] dengan takda ilmu, dia akan cakap. Bajet, *you cut cut*[awak potong-potong] sikit bajet. Walhal, *you*[awak] tak boleh macam tu. *You* nak kreativiti orang tersekat ka? Kreativiti *you something*[awak adlah sesuatu] yang tak boleh untuk dengan duit, *you know*[awak tahu]? *You*[awak] tak boleh nak ukur. *You*[awak] perlukan masa. Masa kreativiti orang tu, *you*[awak] perlukan tenaga, daya fikir apa semua tu kan? Dia dikira macam tu, Jadi bila *you all*[kamu semua] cakap *post-product, pre-production*[pasca produksi, pra produksi]. Awal-awal ni kenapa saya tekan awak tentang bayaran saya? Saya ni kira okaylah *you*[awak] kata bajet *you* dari enam ratus *you* kan, tak pernah habis ke lapan ratus tapi saya *insist*[mendesak] jugak kata nak seribu setengah. Saya tahu untuk awak dapatkan seribu setengah, Ya Allah! Allah ja tahu macam mana awak cari duit ni kan? Untuk dapatkan seribu setengah ni Tapi saya *insist*[mendesak] jugak sebab apa? Saya nak awak rasa. Dekat luar tu *you*[awak] kena *deal*[urus janji] dengan artis-artis tau. *You*[awak] belum tengok lagi artis yang setakat ni *you*[awak] takda lima belas ribu, *you*[awak] jangan panggil *I*[saya], okay. Ada! Kampung Baru, Kampung --- semua, macam tu *you*[awak] cakap dengan *producer*[pengeluar]. "*You*[awak] takda lima belas ribu, *you*[awak] jangan panggil *I*[saya]" Padal boleh ja sebenarnya bawah daripada tu. Aku pun tak pernah dapat bayaran macam tu, katakanlah kan? Tapi kau boleh sedap-sedap letak, tapi itulah yang *you*[awak] akan berdepan nanti besok. Kalau *actual one*[yang sebenarnya], kan? Yang realiti dia. Jadi *I*[saya] nak *you*[awak] pecah kepala dekat sini dulu. *So*[jadi] that bila *you*[awak] kat luar, *you*[awak] akan jumpa dengan, *you*[awak] dah tau dah cara dia, kan? *You*[awak] tau dah *handle*[pengurusan] dia macam mana. Susahnya dulu aku dengan Sherie tu lagilah dia suruh aku cari jugak seribu setengah tu kan? Mana aku nak pungut. Jadi *atleast you*[sekurangngnya awak] ada

*experience*[pengalaman] tu betul-betul. Lepas tu tentang rumah tu, kenapa saya kata kenapa dalam produk sekarang ni yang paling saya tak suka adalah bila *you cut cut*[awak potong-potong] bajet, *you*[awak] dah mengacau benda yang tak sepatutnya dan tak boleh, *by whole*[keseluruhannya], tak boleh kacau kreativiti *director you*[pengarah awak]. Sebab tu saya sentiasa kekalkan kepada produksi ni. Kalau saya *shooting*[penggambaran], saya jangan bagi saya dengar *director*[pengarah] saya ada *problem*[masalah]. Tak kesahlah *director*[pengarah] baru ka lama, saya sentiasa hormat pada *director*[pengarah] saya walaupun awak sebagai *student*[pelajar] jadi *director*[pengarah], saya tetap hormat. Itu *director*[pengarah] saya okay, jangan kacau dia. Pada saya, sebab kreativiti dia adalah penentu saya punya *acting*[lakonan]. Betul tak? Dia yang akan bagitau saya. Jadi kalau dia dibebankan dengan masalah lain, *director*[pengarah] ni, macam mana dengan kreativiti dia? Dia nak pikir pasal benda ni lagi, dia nak pikir pasal dia punya karya lagi, kan? *You*[awak] tak boleh kacau dia. Tapi *you manage to hide it from me*[awak berjaya sorokkannya daripada saya], kan? *You*[awak] boleh tak bagitau saya. Tak bagitau, tak kecoh-kecoh pasal *you*[awak] tak boleh *shooting*[penggambaran] dirumah tu *the next day*[keesokkan harinya]. Besar tu! Macam mana *continuity*[kesinambungan] kalau dia tak boleh *shooting, continuity*[penggambaran, kesinambungan] kita dah *straight*[lurus] dah. Yang mak dia tunggu atas balik dekat rumah tu, besok rumah lain? Tak boleh, tak logik, kan?

**SB: Betul (Mengganggu)**

SM: Jadi kena rumah yang sama jugak. Jadi mana dia nak *maintain*[mengekalkan] tanpa beritahu pelakon, kan? Orang-orang lain tentang masalah *you*[awak] tu. Jadi *you've done a good job*[awak dah buat yang kerja yang terbaik] sebab *you all*[kamu semua] simpan sendiri, dan *settle*[selesai] kan masalah tu. Walaupun sebenarnya ya, kita tahu mak cik *you* cakap kat Sherie, Sherie janjikan? Cik Sherie janji kan? Saya nak lepak dengan dia. Aa! Takpa, itupun saya tak bagitau *you all*[kamu semua] sebab saya nak *you all*[kamu semua] tau saya tak tau, *so*[jadi] jangan bagitau *I*, kan? *So that's why I*[jadi sebab itu saya] tak bagitau *you*[awak]. *What's going on*[Apa yang terjadi]. Saya buat saja, kan? tapi diorang cukup profesional dan saya suka tengok apa yang diorang

buat, macam mana diorang *handle*[uruskan] tu. *so*[jadi] saya kata, tentang diri *you*[awak] dah rasa.

**NA: (menulis)**

SM: macam mana, macam mana dia akan ada masalah-masalah ni. Itu baru dua hari tau. Belum lagi *production*[produksi] yang satu minggu punya *production*[produksi], kan? Belum tentu lagi masalah-masalah lain dan *you*[awak] tak pernah, tak terjadi lagi kat situ, saya cakap dekat dia. *So, you*[jadi awak] kena bersedia dengan tu sebagai pelajar untuk *you*[awak] dapat kesan yang lebih bagus bila *you*[awak] kat luar sana nanti, kan? Ada *exerience*[pengalaman] lebih bagus. *And then*[dan kemudian] untuk hadiah tu, saya suka sangat bila saya umumkan benda tu. *They are so happy*[Mereka sangat gembira]. Sebenarnya duit saya ni yang saya mintak seribu setengah ni bukan untuk saya. Saya tak nak pun duit ni. Saya nak bagi *you all*[kamu semua] pengalaman. Sekarang ni kita boleh Joli! Kita makan apa yang kita nak makan! Saya bagitau macam tu kan? Eh, diorang masih terdiam tau. Dia tak paham apa yang saya cakap.

(Gangguan bunyi batuk)

SM: diorang pandang masing-masing. Eh, korang tak tahu joli eh? Joli? Joli?

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: saya gelak ja. Saya cakap, takdalah. Tak betul, betul ni saya cakap betu. Duit ni, maksud saya, saya taknak duit ni sebenarnya. Duit ni saya suruh saya tekankan kat awak supaya awak ada pengalaman. Supaya ada pengalaman macam mana susahnya *deal*[berurusan] dengan artis-artis diluar sana. Dia bukannya *something*[sesuatu] yang *you*[awak] boleh *deal*[berurusan] macam ni macam ni. Okay, takda. Dia akan tolak ansur, tolak ansur. Orang kata, nak *dealing*[berurusan] dengan diorang ni banyak karenah sebenarnya. Sampailah diorang betul-betul puas hati. Dan *you*[awak] pulak tak boleh cepat sangat mengalah. Kalau artis tu tak nak, *you*[awak] tak boleh dia ja.

“Tak nak, sudahlah” Tak boleh! Sebab *TV station*[Stesen televisyen], dia dah bagitau dah *TV Station*[Stesen televisyen] artis mana yang nak ni. Kalau salah seorang daripada artis yang *TV station*[Setesen Televisyen] dah *approved*[luluskan], tak boleh buat, *you*[awak] kena buat surat lagi kat *TV station*[Stesen Televisyen] mengatakan kenapa nak dia tak boleh *involve*[terlibat]. Silap-silap *you*[awak] punya projek boleh kena *cancel*[batal]. Sebab tu *you*[awak] tak boleh sambil lewa ja. Macam mana pun *you*[awak] kena jugak “Alah, bolehlah. Nanti kita bagilah sini sikit, sini sikit.” Walaupun hati *you*[awak] sakit mana dia nak --- mencarut kan? Si artis ni kan? Tapi itulah yang *you*[awak] kena hadapi. Jadi I nak sikit ja *you*[awak] bagi, tu pun sikit ja I[saya] bagi tau. I[saya] tau *you*[awak] maki I[saya] kat belakang peduli apa kan? Yang penting aku nak sampaikan ilmu ni kat korang. Supaya korang tau nanti macam deal dengan artis ni macam mana. *So*, duit ni saya tak nak sebenarnya, paham tak? *So*[jadi], ambiklah duit untuk kita joli makan maksud saya. Inilah duit korang” “Eh, jangan macam tu. Cik Sherie jangan macam tu” takda! Itu kata *you all*[kamu semua] tapi sebenarnya saya dah cukup rasa seronok sangat saya dapat *share*[kongsi] benda ni kat *you all*[kamu semua]. Dan cara *you all I’m so glad I really hope that in future*[kamu semua, saya sangat bangga dan saya sangat berharap dimasa hadapan], korang-korang inilah bakal pengganti *production*[produksi] yang ada sekarang. Sekarang ni *production*[produksi] takda banyak yang betul bagus betul-betul ikut yang mengikut betul-betul *by book*[ikut buku], kan? Apa sebenarnya *rules, regulation*[peraturan, pengawalan], dia punya *based*[berdasarkan] apa *what*[apa] ---lah apa segala-segala benda yang boleh ka tak boleh buat apa yang ikut peraturan apa semua kan? Sebenarnya *production*[produksi] sekarang takda banyak macam tu jadi saya harapkan *you all* lah nanti akan mengganti *production, production*[produksi, produksi] kan? Semoga kita punya industri akan lebih maju lagi, kan? Lebih patut lagi ada yang di tahap yang sama dengan *international*[antarabangsa] punya.

#### SB dan NA: (menulis)

SM: *That’s why I told them so I’m so glad I*[Oleh kerana itu, saya bagitahu mereka yang saya sangat bangga] dapat menyumbang ilmu saya dengan diorang. *A few*[Sedikit, ada

banyak Kolej Monash, Sunway College, apa satu lagi tu MMU, Multimedia University.

**SB: Oh! Multimedia. (mengangguk)**

SM: Aa! Multimedia University. *The Students was like*[Pelajar-pelajar tersebut seperti] Uu! Memang bestlah dengan diorang. Kebanyakannya semua saya akan buat macam tu. Saya akan bagi *pressure*[tekanan] kat diorang, saya tengok kekurangan mana diorang tapi saya tak bagitau. *So*[jadi], saya nampak. Okay, disini kekurangan dia, saya akan tekan bab tu. Tapi saya buat *attitude*[tingkah laku] lah, saya buat *attitude*[tingkah laku] saya. Saya tengok macam mana diorang *deal*[berurusan]. Sebab bukannya, orang macam saya ja diorang, diorang susah nak *deal*[berurusan] dengan orang macam saya. Maksud saya dengan cara betul lah. Saya yang sebetulnya. Apa yang diorang akan deal orang-orang yang macam saya lakonkan tu. Saya belagak, saya buat jadi diva. *In the end*[Akhirnya], sebelum kami *wrap*[menutup]. Masa kami *wrap*[penutupan] tu saya akan bagitau diorang betul. Sebenarnya saya tak macam tu. Saya nak *share*[kongsi] dengan *you all*[kamu semua] ja.

(Gangguan bunyi batuk)

SM: Saya nak *you all*[kamu semua] ada pengalaman dengan saya. *So*[Jadi], satu hari nanti *you*[kamu] boleh ingat. *Okay*[Baiklah], kenapa kau tau benda ni kan masalah *deal*[berurusan] dia ni. Dulu la aku *shooting*[penggambaran] dengan Sherie, dia yang tekan aku kaw-kaw, kan?

**SB dan NA: (tertawa)**

SM: Untuk buat ni biar *something*[sesuatu] yang saya boleh, *something*[sesuatu] bermanfaat untuk diorang saya boleh *share*[kongsi]kan. *So, I like that*[Jadi, saya seperti itu] Alhamdulillah.

**SB: Okay sebelum kita tamatkan sesi temuramah ni, satu soalan terakhir. Apa harapan Miss, harapan miss untuk masa depan nanti. Contoh harapan untuk diri sendiri, atau harapan untuk keluarga atau pun industri seni ni.**

SM: Okay, (berfikir) harapan untuk saya sendiri, mudah-mudahan saya berharap sangat mudah-mudahan untuk saya boleh memberi *something*[sesuatu] yang betul-betul bermanfaat pada industri. Itu memang harapan saya sangat-sangat, sangat-sangat. Sebab saya pikir, adanya saya dalam industri ni kalau setakat untuk atas nama ada ja, ianya akan berlalu, benda tu *from time to time*[dari semasa ke sesama].

**SB: (menyelak kertas)**

